

LAPORAN TAHUNAN

2022

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-55





1 JANUARI 2023 - 31 DISEMBER 2023

CABUTAN HADIAH UTAMA

1X

HADIAH UTAMA BMW 2 SERIES GRAND COUPE 218i

1X

HADIAH PERTAMA BMW GS 310

10X

HADIAH SAGUHATI PAKEJ PERCUTIAN

CABUTAN BERKALA SUKU TAHUN

5X

RM1000 AKAUN DEPOSIT-I BERJANGKA SUKU TAHUN 1 (JAN - MAR 2023)

5X

RM1000 AKAUN DEPOSIT-i BERJANGKA SUKU TAHUN 2 (APR - JUN 2023)

5X

RM1000 AKAUN DEPOSIT-i BERJANGKA SUKU TAHUN 3 (JUL - SEP 2023)

5X

RM1000 AKAUN DEPOSIT-i BERJANGKA SUKU TAHUN 4 (OKT - DIS 2023)



CABUTAN LOKALITI

10X

RM 500.00 (WANG TUNAI) 10 PEMENANG X 29 CAWANGAN





(a) 1-300-88-7650

© 019-756 7650

☑ info@cbp.com.my



ISI

KANDUNGAN

MAKLUMAT KORPORAT	02
KATA-KATA ALUAN DARI PENGARAH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN	03
KATA-KATA ALUAN DARI YANG DIPERTUA KOPERASI NSTP (M) BERHAD	04
KATA-KATA ALUAN DARI PENGERUSI KOPERASI NSTP (M) BERHAD	05
ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI NSTP (M) BHD SESI 2022/2023	06
JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN KOPERASI NSTP (M) BHD SESI 2022/2023	07
KAKITANGAN KOPERASI NSTP (M) BERHAD	08
AKTIVITI KOPERASI NSTP 2022	10
NOTIS DAN AGENDA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-55	21
MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-54	22
KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-54	40
LAPORAN LEMBAGA TAHUN 2022	42
Laporan JKK Kewangan, Pentadbiran, Pengurusan Hartanah & Modal Insan	46
Laporan JKK Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Skim Perlindungan	50
Laporan JKK Kutipan, Litigasi & Pengurusan Risiko	53
Laporan JKK Komersial, Bisnes & Coopmart	56
Laporan JKK Ar-Rahnu	59
Laporan JKK Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi	62
LAMPIRAN A - KURSUS & SEMINAR TAHUN 2022	67
LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SESI 2022/2023	68
PANDANGAN SURUHANJAYA KE ATAS AKAUN-AKAUN DAN KUNCI KIRA-KIRA KOPERASI BERAKHIR 31 DISEMBER 2021	72
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS	76
LAPORAN BERKANUN LEMBAGA	81
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022	83
PINDAAN ANGGARAN PENDAPATAN & PERBELANJAAN TAHUN 2023 DAN ANGGARAN PENDAPATAN & PERBELANJAAN TAHUN 2024	124

MAKLUMAT

KOPERASI

NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD

(NO PENDAFTARAN: 4369)

VISI

Menjadi 50 Koperasi Terbaik Malaysia pada Tahun 2027.

MISI

- Memantapkan amalan baik tadbir urus yang berkesan mengikut nilai, prinsip dan aturan koperasi berteraskan Modal Insan berprestasi tinggi melalui teknologi terkini;
- Meningkatkan aktiviti ekonomi dengan perniagaan baru yang berimpak dan merekaraya perniagaan sedia ada ke tahap mampan;
- Mengekalkan kebajikan dan kemudahan anggota yang berorientasikan keperluan serta mewujudkan hubungan strategik dan usahasama di kalangan anggota dan masyarakat dalam menjalankan aktiviti koperasi.

AKTIVITI

- Kredit
- Skim Perlindungan Diri & Keluarga
- Skim Pengguna Peruncitan / Pajak Gadai Islam / Pelancongan
- Pengurusan Acara & Seminar

PEJABAT PENDAFTARAN

31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

No. Tel : 03-2282 4647 No. Faks : 03-2282 6334

Laman Web: http://www.koopnstp.my : admin@knstp.com.my Facebook : Koperasi New Straits Times

Press Malaysia Berhad

Instagram: koopnstp

ALAMAT CAWANGAN

1. Ar-Rahnu X'Change Koperasi NSTP (Dataran Mentari)

No. A-G-1, Blok A, Arena Mentari, Jalan PJS 8/15, Bandar Sunway, 46180 Petaling Jaya, Selangor.

No. Tel: 03-5637 7277 No. Faks: 03-5637 7677

2. Ar-Rahnu X'Change Koperasi NSTP (Bandar Seri Putra)

26, Jalan Seri Putra 1/2, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor. No. Tel: 03-8925 9519 No. Faks: 03-5637 7677

3. Saville Express & Business Centre

G-10, Saville Kajang, Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

No. Tel/Faks: 03-8738 6091

Email: SavilleExpress @knstp.com.my Facebook: Saville Exress & Business Centre

MOTTO "MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA"

KATA-KATA ALUAN

PENGARAH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh Dan Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya serta ucapan jutaan terima kasih kepada pihak Pengerusi dan Barisan Anggota Lembaga Pengarah Koperasi New Straits Times Press Malaysia Berhad (KNSTP) kerana memberi peluang kepada saya mengabdikan kata alu-aluan di dalam Buku Laporan Tahunan KNSTP pada tahun 2022 sempena Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke 55.

Syabas dan tahniah kepada Pengerusi serta barisan Anggota Lembaga KNSTP yang telah menjalankan amanah dan tanggungjawab selaras dengan kehendak Akta Koperasi. Saya amat teruja melihat kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai oleh barisan Anggota Lembaga KNSTP sepanjang



tahun serta berbangga melihat kekuatan kerjasama di kalangan anggota dan pengurusan KNSTP yang membentuk koperasi yang berdaya saing, namun ianya tidak boleh dijadikan alasan atau sebab untuk Koperasi berasa selesa. KNSTP hendaklah sentiasa mencabar kemampuan untuk meneroka lebih banyak peluang perniagaan yang tersedia. Melalui wadah Koperasi ini juga, pelbagai kerjasama untuk faedah orang ramai boleh diusahakan dan tidak hanya tertumpu kepada ganjaran kewangan semata-mata.

Mesyuarat Agung Tahunan merupakan satu pentas yang penting bagi semua pemegang saham sesebuah Koperasi untuk memantau, mengkaji semula, membincang, menukar pandangan dan idea tentang prestasi Koperasi sambil merangka rancangan dan strategi pembangunan Koperasi. Saya berharap bahawa pihak Lembaga, pengurusan dan perwakilan KNSTP dapat mengambil kesempatan penuh dari pentas ini supaya mencapai keputusan dan konsensus tentang perkembangan KNSTP dan justeru meningkatkan tahap pencapaian KNSTP demi manfaat para anggota.

Barisan Ahli Lembaga, pengurusan dan ahli-ahli Koperasi juga perlu memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan sentiasa mengikuti perkembangan terkini mengenai bidang perniagaan, industri dan hal-hal berkaitan yang boleh membantu memajukan Koperasi. Saya mendoakan agar KNSTP akan terus berkembang maju dan merealisasikan perancangan sepertimana yang dirancang serta kekal bersaing.

Kami di pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia sentiasa bersedia membantu memberi bimbingan dan sokongan yang diperlukan oleh pihak KNSTP dari semasa ke semasa. Saya doakan juga semoga KNSTP tersenarai sebagai 100 Koperasi Terbaik di Malaysia untuk tahun-tahun mendatang. Akhir kata saya berharap dan memanjatkan doa agar Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KNSTP kali ke 55 akan berlangsung dengan lancar dan jayanya.

Sekian, terima kasih

HAJI/EFENDEE O.P ANDU

PENGARAH

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN

KATA-KATA ALUAN

YANG DIPERTUA KOPERASI NSTP (MALAYSIA) BERHAD



Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh Dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu ucapan terima kasih saya kepada pihak Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (KNSTP) kerana memberi ruang dan kesempatan kepada saya untuk memberikan sepatah dua kata di dalam Laporan Tahunan 2022 ini bersempena dengan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-55.

Saya selaku Yang Dipertua, amat berharap semua anggota menyokong perkhidmatan yang di sediakan di KNSTP seperti pembaharui insurans dan cukai jalan, berbelanja di Coopmart serta menggunakan perkhidmatan pelancongan yang ada di koperasi. Saya percaya dengan pengurusan KNSTP sedia

ada, mampu menyediakan perkhidmatan terbaik dalam memelihara kebajikan anggota khasnya.

Diharap kesungguhan barisan Anggota Lembaga KNSTP dalam menerajui dan memastikan prestasi dikekalkan dapat diteruskan tanpa mengira apa jua rintangan yang dihadapi. Sokongan dari para perwakilan serta anggota perlu ada bagi membantu merealisasi perkara ini. Semoga tahun-tahun berikutnya, KNSTP akan bangkit lebih maju lagi.

Kepada para perwakilan sekalian, saya berharap anda dapat memanfaatkan kehadiran di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ini dengan memberikan idea-idea baru dan pendapat yang bernas bagi memastikan matlamat dan hala tuju KNSTP tercapai.

Selamat Maju Jaya. Wassalam

DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN YANG DIPERTUA KOPERASI NSTP (M) BERHAD

10 April 2023

KATA-KATA ALUAN

PENGERUSI KOPERASI NSTP (MALAYSIA) BERHAD

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh Dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, dengan rasa syukur ke hadrat Allah SWT serta restu-Nya, Koperasi New Straits Times Press (M) Berhad (KNSTP) berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-55 selaras kehendak Akta Koperasi 1993.

Sebagaimana yang telah kita ketahui, Pandemik Covid 19 telah menjadi pendorong koperasi untuk terus maju kehadapan walaupun banyak dugaan dan rintangan yang dihadapi demi menjaga ekonomi anggotanya.

Melihat pada potensi berdaya maju yang ditunjukkan dari prestasi perniagaan Ar Rahnu, KNSTP kini memberi penekanan

yang agresif untuk mempromosi aktiviti pajak gadai Islam ini bukan sahaja di kalangan anggotanya tetapi kepada masyarakat setempat.

Ahli Lembaga dan Pengurusan KNSTP akan berusaha lebih gigih dan tidak akan patah semangat walaupun pelbagai cabaran berlaku. Kerjasama dari semua pihak terutama sokongan dari anggota amat dihargai.

Setinggi penghargaan diucapkan kepada Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman, Pengarang Urusan Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP) selaku Yang Dipertua KNSTP, pengurusan Kumpulan Media Prima Berhad, Allianz General Insurance Company Berhad, Sunlife Assurance Malaysia Berhad, Malay Mail Sdn Bhd, Media Travel & Holidays Sdn Bhd atas kerjasama dan sokongan yang diberikan.

Ucapan penghargaan juga diberikan kepada Haji Efendee O.P Andu, Pengarah dan pegawai-pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Cawangan Wilayah Persekutuan atas sokongan dan khidmat nasihat yang diberikan.

Selamat bermesyuarat kepada semua perwakilan KNSTP. Semoga MAT kali ini dapat membuka lebih banyak ruang bagi kita untuk menabur khidmat bakti kepada koperasi yang kita cintai.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum wrt.

"MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA"

MOHD FADZIL ABDUL GHANI

PENGERUSI KOPERASI NSTP (M) BERHAD

10 April 2023

ANGGOTA LEMBAGA SESI 2022/2023





SERDIRI DARI KIRI

Kamarulzaman Mohd Salleh, Ahmad Shukran Mohamed Salleh (Pen. Bendahari), Fazleesham Mohd Yunus (Bendahari) & Baharuddin Ishak (Pen. Setiausaha), Ahmad Nizam Eusof, Mohamad Wafi Mohamad Arof, Khairuzzaman Mohammad,

Salehudin Shah Shabudin.

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SESI 2022/2023



MOHD HIDZIR MD ISMAIL

PENGERUSI JKAD



RAMESHDEV SINGH A/L GORDEYAP SINGH AHLIJKAD



SHUKOR HJ OTHMAN
AHLI JKAD



MOHD RIZAN AKMAR TAHARUDDIN AHLI JKAD



KAKITANGAN



KOPERASI NSTP



DUDUK DARI KIRI (Hadapan)

Amir Mat Kupli @ Kupli (Pengurus Ar-Rahnu), Azlina Ibrahim (Eksekutif Kanan - Pentadbiran),

Rodziah Jamaah (Pengurus Besar) & Ismadi Ismail

DUDUK & BERDIRI DARI KIRI (Belakang)

Muhammad Faiz Mohd Zaini, Abdul Syahid Abd Mutalib, Noorhazifah Mohd Aminoor, Nazirah Abd Manap, Nur Shafiqah Abdul Halim, Nor Amiza Azizi, Nor Khairina Leela Nasaruddin & Ridzwan Ahmad (Pengurus Operasi).

KAKITANGAN



KOPERASI NSTP





DARI KIRI

Siti Saleha Mohamad, Nur Ashieqin Abd Malid (Ketua Cawangan), Mohd Nazri Johari dan Nur Shahirah Abdul Hamid

DARI KIRIMuhamad Zulhairi Zaharuddin, Ainin Sofea Abdul Basid (Ketua Cawangan) dan Fatin Nabilah Kamarul Baharin

AKTIVITI

KOPERASI NSTP 2022



■■■■ 22 & 23 Januari 2022

SESI SUMBANGSARAN KNSTP – Anggota Lembaga, JKAD & Pengurusan KNSTP berkumpul dan memberi idea untuk halatuju KNSTP





■■■■ 22 April 2022

MAJLIS BERBUKA PUASA DI SURAU NSTP – setiap tahun, KNSTP akan memberi sumbangan ke surau NSTP Bangsar, TV3, Shah Alam & Prai.



■■■■ 14 April 2022

SESI TEMUBUAL PENGERUSI KOPERASI UNTUK COOPBIZ ANGKASA – KNSTP terpilih sebagai salah sebuah koperasi yang menjalankan perniagaan berdaya maju (Ar Rahnu)



25 April 2022 KNSTP & ANGKASA MELALUI COOPCARE SEPAKAT RAMADAN

DI SRI PENTAS









■■■■ 2 JUN 2022

SESI BERSAMA ANGGOTA – Sesi bertemu anggota di NSTP Shah Alam.



■■■■ 22 JUN 2022

KNSTP TERIMA ANUGERAH 46 Koperasi Terbaik di Wilayah Persekutuan



■■■■ 22 JUN 2022

WASIYYAH SHOPPE – Kaunter promosi khidmat nasihat Pengurusan Harta (Wasiyyah Shoppe) di Sri Pentas



(Wilayah Persekutuan, Selangor, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah & Sarawak)



■■■■ 13 Julai 2022 MESYUARAT AGUNG KAWASAN ZON 2 (Johor, Melaka & Negeri Sembilan)



■■■■ 15 Julai 2022 MESYUARAT AGUNG KAWASAN ZON 3 (Pulau Pinang, Kedah, Perlis & Perak)

HARI BERSAMA ANGGOTA



■■■■ 1 Ogos 2022

Kaunter Keanggotaan di Glenmarie, Shah Alam kepada kakitangan Wow Shop



■■■■ 10 Ogos 2022 Agihan Cenderahati di NSTP Bangsar



9 Ogos 2022
Agihan Cenderahati di TV3, Sri Pentas





■■■■ 13 Ogos 2022

BENGKEL KELESTARIAN KOPERASI – perwakilan KNSTP hadir bengkel di bawah kendalian, Hj Zainudin Ali, perunding dari Ikma





MESYUARAT AGUNG
PERWAKILAN KNSTP KE-54





1 September 2022

SUMBANGAN KEBAJIKAN - Sesi lawatan dan sumbangan kebajikan sebab penyakit kritikal kepada En Mohamad Yahya, anggota dan bekas JKAD



■■■■ 30 September 2022

PROGRAM KEMBARA - KNSTP terpilih sebagai salah sebuah koperasi yang terima sijil dan plak penghargaan sempena 100 Tahun Gerakan Koperasi









■■■■ 27 Oktober 2022

ANUGERAH KECEMERLANGAN PENDIDIKAN SPM 2021 – ibu dan bapa yang terima anugerah bagi pihak anak masing-masing. Tahniah diucapkan



■■■■ 25- 27 November 2022

SEMINAR "PEMBENTUKAN AGENDA BARU GERAKAN KOPERASI DI MALAYSIA" – Seminar anjuran Kesatuan Koperasi Midlands & Kesatuan Koperasi-koperasi Kredit Malaysia. Salah satu agenda adalah memberi penghargaan kepada semua koperator. Turut menerima anugerah adalah En Mohd Fadzil Abdul Ghani, Pengerusi KNSTP & Pn Rodziah Jamaah, Pengurus KNSTP.







9 Disember 2022

ANUGERAH FRANCAISI TERBAIK – ArRahnu KNSTP menerima Anugerah Francaisi Terbaik bagi tahun 2021.



■■■■ 29 Disember 2022

MAJLIS PERSARAAN EN MUSTAPHA KAMIL MOHD JANOR – Allahyarham Zulfakar Wahib, mantan setiausaha menyerahkan cenderahati kepada YDP KNSTP.



PROMOSI KAUNTER MEDISAVER HEALTHCARE di TV3 Sri Pentas

NOTIS DAN AGENDA

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-55

DIBERITAHU, Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-55 akan diadakan pada Ahad, 25 Jun 2023 jam 9.30 pagi di Dewan Teater ('Theatrette'), The New Straits Times Press (M) Berhad, Tingkat Bawah, No. 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

AGENDA MESYUARAT

- 1. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-54.
- 2. Melantik 10 orang jawatankuasa untuk menentusah draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-55 yang harus terdiri daripada:
 - Empat (4) Anggota Lembaga Enam (6) Perwakilan
- 3. Pemilihan empat (4) orang Anggota Lembaga tamat tempoh jawatan.
- 4. Menerima dan meluluskan:
 - a) Laporan Lembaga Bagi Tahun 2022.
 - b) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Bagi Sessi 2022/2023.
 - c) Laporan Juruaudit Luar dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022.
 - d) Pandangan Suruhanjaya Ke atas Akaun-akaun dan Kunci Kira-kira Koperasi Berakhir Pada 31 Disember 2021.
- 5. Menerima dan meluluskan Pindaan Undang-undang Kecil Koperasi NSTP.
- 6. Menerima dan meluluskan
 - a) Pindaan Aturan Skim Pengeluaran Modal Yuran
 - b) Pindaan Aturan Tabung Kebajikan Am
 - c) Pindaan Aturan Skim Pembiayaan
 - d) Aturan Skim Pembiayaan Khas (Projek Perniagaan)
 - e) Aturan Kumpulan Wang Penebusan Syer
 - f) Aturan Skim Simpanan Khas Ar-Rahnu
 - g) Aturan Buku Simpanan Emas
- 7. Mengesahkan
 - a) Pindaan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2023
 - b) Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2024
- 8. Melantik Juruaudit Luar bagi Tahun 2023 dari senarai berikut :
 - i) Al-Jeffri Dean Chartered Accountant
 - ii) Kamal Zahari & Co
 - iii) A Razak & Co
 - iv) Hisham & Co Chartered Accountants (Malaysia)
- 9. Memberi kuasa kepada Lembaga meminjam wang tidak melebihi RM300,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dengan kadar faedah pasaran semasa.
- 10 Memberi kuasa kepada Lembaga melabur tidak melebihi RM300,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dari wang lebihan Koperasi.
- 11. Menimbangkan usul-usul dan lain-lain perkara di mana notis telah diberikan secara bertulis sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-55.

ABDUL RAHIM LLIN

Setiausaha 29 Mei 2023

MINIT

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-54

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD

31 JALAN RIONG, 59100 KUALA LUMPUR. (No. Pendaftaran: 4369)

MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE - 54

TARIKH : 13 OGOS 2022 (15 MUHARRAM 1444H)

MASA : 9.00 MALAM - 11.45 MALAM

TEMPAT : BILIK ZHENG HEE, TINGKAT 22

HOTEL HATTEN, JALAN MERDEKA BANDAR HILIR, 75000 MELAKA

HADIR

Pengerusi : Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani

Setiausaha : Sdr. Zulfakar Wahib
Bendahari : Sdr. Abd Rahim Llin
Penolong Setiausaha : Sdr. Baharuddin Ishak

Penolong Bendahari : Sdr. Mohamad Anis Abdullah

Anggota Lembaga : Sdr. Ahmad Shukran Haji Mohamed Salleh

: Sdr. Khairuzzaman Mohamed: Sdr. Salehudin Shah Shabudin: Sdr. Mohamad Wafi Mohamad Arof

: Sdr. Kamarulzaman Pid : Sdr. Khairi Abdul Khalid

: Sdr. Fazleesham Mohd Yunus

Perwakilan : 18 orang (rujuk senarai kehadiran)

TURUT HADIR

Pengarah : En. Jaafar Ahmad

Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan

Penolong Pengarah : En. Mohd Aliff Redzuan Azman

Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan

Juruaudit Luar : Pn. Nur Shafinaz Mohd Jalani

Hisham & Co, Chartered Accountants

Pengurus Besar : Pn. Rodziah Jama'ah

Kakitangan : 7 orang (rujuk senarai kehadiran)

TIDAK HADIR

Perwakilan : 2 orang (rujuk senarai kehadiran)

KATA-KATA ALUAN PENGACARA MAJLIS

Pn. Nazirah Abd Manap (n.a 10181) selaku pengacara majlis mengalu-alukan kedatangan semua perwakilan dan tetamu kehormat iaitu En. Jaafar Ahmad, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Wilayah Persekutuan (WP), En. Mohd Aliff Redzuan Azman, Penolong Pengarah, SKM WP, Pn. Nur Shafinaz Mohd Jalani, wakil Hisham & Co, Juruaudit Luar ke Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-54 yang berlangsung di Hotel Hatten, Melaka.

BACAAN DOA SELAMAT

Sebelum mesyuarat dimulakan, Sdr. Ridzwan Ahmad (n.a 6826) membacakan doa selamat.

NYANYIAN LAGU NEGARAKU, KECEMERLANGAN KOPERASI DAN SINAR KOPERASI

Semua perwakilan, kakitangan dan tetamu yang hadir berdiri untuk menyanyikan lagu Negaraku, Kecemerlangan Koperasi dan Sinar Koperasi.

BACAAN IKRAR PERWAKILAN

Semua perwakilan dengan diketuai oleh Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) membaca ikrar.

UCAPAN PENGERUSI KOPERASI NSTP (M) BERHAD

Pengerusi Koperasi, Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456) mengalu-alukan kehadiran En. Jaafar Ahmad, Pengarah SKM WP, En. Mohd Aliff Redzuan Azman, Penolong Pengarah SKM WP, Pn. Nur Shafinaz Mohd Jalani, wakil Hisham & Co, Juruaudit Luar, Anggota Lembaga (ALK), Jawatankuasa Audit Dalaman, semua perwakilan dan kakitangan koperasi.

Petikan daripada ucapan Pengerusi:

Saya bersyukur ke-hadrat Allah SWT dengan limpah kurnia dan izinNya, dapat kita bersama-sama berhimpun untuk menjayakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-54.

Pada tahun 2021, pendapatan Ar-Rahnu merupakan pendapatan utama, diikuti pendapatan pembiayaan, hartanah, pelaburan, peruncitan dan lain-lain.

KNSTP telah merancang Pelan Pemerkasaan jangkamasa pendek yang bermatlamat untuk menjadi panduan bagi menghadapi fasa pemulihan. Pelan merangkumi empat (4) tindakan utama iaitu memperkukuhkan anggota, reformasi perniagaan, penstrukturan semula dan melonjakkan perniagaan.

Pelbagai inisiatif penyelesaian yang dirancang seperti :-

- 1) Tumpuan kepada kakitangan dan bekas kakitangan untuk menjadi anggota;
- 2) Mengenalpasti kebajikan anggota tidak terabai;
- 3) Kaedah pendekatan terus kepada anggota;
- 4) Tumpuan kepada perniagaan yang memberi pulangan lebih baik;
- 5) Menggunakan pengalaman sebagai tanda aras;
- 6) Suntikan modal dari Tabung Modal Pusingan (TMP);
- 7) Menawarkan inisiatif sebagai pendorong;
- 8) Mempertingkatkan promosi; dan
- 9) Memberi perkhidmatan terbaik kepada anggota dan masyarakat.

Pada awal Januari 2022, ALK dan pengurusan KNSTP telah menyertai sumbang saran dan menemui masalah utama yang perlu diberi tumpuan iaitu:-

- a) <u>Keanggotaan</u>: Mempertingkatkan keanggotaan di kalangan Media Prima Berhad dan bekas kakitangan melalui promosi dengan hebahan poster, video dan media sosial.
- b) <u>Peruncitan</u>: Mempelbagaikan aktiviti peruncitan selari dengan trend terkini seperti jualan secara atas talian dan penghantaran dari pintu ke pintu. Selain itu, KNSTP melaksanakan Kempen Jualan Prihatin anjuran SKM, pemberian diskaun kepada anggota dan mata ganjaran atas pembelian.
- c) Modal: Suntikan modal dari Kempen Carum & Menang dan kemudahan TMP SKM.
- d) <u>Komunikasi</u>: Memperhebatkan komunikasi antara KNSTP dan kakitangan Media Prima Berhad melalui medium sosial dan aktiviti turun padang.

Dalam usaha meningkatkan prestasi kewangan di masa akan datang, perancangan perniagaan yang akan dilaksanakan adalah jualan emas "prelove" kepada umum, simpanan emas kepada anggota dan Kedai Emas milik KNSTP. Pemilihan perniagaan ini adalah kesinambungan perniagaan Ar-Rahnu sedia ada.

Alhamdulillah, KNSTP telah diberi pengiktirafan dengan mendapat tempat ke-46 di Wilayah Persekutuan pada tahun 2022. Diharap penganugerahan ini akan memberi semangat kepada KNSTP untuk lebih berjaya.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia, En. Mustapha Kamil Mohd Janor, Ketua Pegawai Eksekutif NSTP (M) Berhad. Penghargaan juga kepada En Jaafar Ahmad dan En. Mohd Aliff Redzuan Azman dari SKM WP di atas kerjasama dan nasihat yang diberikan. Selain itu, setinggi penghargaan kepada pengurusan Media Prima Berhad dan syarikat yang bernaung dibawahnya, pengurusan dan pentadbiran KNSTP dan perwakilan yang telah menunjukkan komitmen demi menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-54.

UCAPAN PENGARAH SKM WILAYAH PERSEKUTUAN

En. Jaafar Ahmad Pengarah SKM WP mengalu-alukan kehadiran semua perwakilan yang hadir terutama ALK.

Petikan daripada ucapan Pengarah SKM

Tahniah dan syabas diucapkan kepada barisan ALK dan Pengurusan KNSTP kerana berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) ke-54. Begitu juga kepada para perwakilan yang memastikan seksyen 35 Akta Koperasi 1993 dipatuhi iaitu mengadakan mesyuarat agung bagi setiap tahun kewangan berakhir.

MAPT merupakan platform tertinggi dalam entiti koperasi. Oleh itu, para perwakilan perlu menggunakan platform ini untuk menyemak atau mengetahui status terkini KNSTP terutama berkaitan perniagaan yang diceburi.

Pada tahun 2022, SKM telah memberi penghargaan kepada semua koperasi dan KNSTP telah mendapat tempat ke-46. SKM berharap dengan penghargaan ini, ianya akan menyuntik semangat ALK dan pengurusan KNSTP supaya berganding bahu untuk memajukan koperasi.

Di AGM ini, diharap semua perwakilan menyokong dan membantu mencurahkan idea dan keringat kepada pimpinan KNSTP supaya berkembang maju pada masa akan datang.

Akhir kata dengan lafaz *Bismilllahirahmanirrahim*, saya selaku Pengarah SKM WP merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi NSTP (M) Berhad kali ke-54 ini.

PEMILIHAN PENGERUSI MESYUARAT

Pn. Nazirah Abd Manap (n.a 10181) merujuk kepada UUK Fasal 34(1), di mana ianya menyatakan bahawa "Pengerusi Koperasi hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung perwakilan dan sekiranya pengerusi tidak hadir, anggota lembaga yang dipilih oleh mesyuarat agung perwakilan itu hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung tersebut." Oleh kerana, Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456), Pengerusi KNSTP hadir, maka beliau akan mempengerusikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-54 ini.

KENYATAAN KORUM

Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456) selaku pengerusi mesyuarat memaklumkan bahawa menurut Undang-undang Kecil Koperasi (UUK) Fasal 30 (1) "Korum mesyuarat agung perwakilan yang diperlukan adalah satu pertiga dari jumlah perwakilan". Keseluruhan perwakilan adalah tiga puluh dua (32) orang. Maka, satu pertiga (1/3) dari tiga puluh dua (32) orang adalah sebelas (11) orang. Kehadiran pada hari ini adalah tiga puluh (30) orang iaitu dua orang tidak dapat hadir iaitu Sdr. Mohamad Yahya (n.a 6786) dan Sdr. Zaiponizam Hamzah (n.a 5968). Mereka tidak dapat hadir sebab kesihatan dan urusan keluarga. Berdasarkan jumlah kehadiran, ianya telah melebihi dari korum yang diperlukan, maka mesyuarat boleh dijalankan.

PEMILIHAN PENCATAT MINIT

Bagi memenuhi tatacara mesyuarat, pengerusi memohon cadangan bagi pemilihan dua (2) pencatat minit. Beliau mencadangkan dua (2) pencatat minit adalah Pn. Rodziah Jama'ah (n.a 6768) dan Pn. Nazirah Abd Manap (n.a 10181) serta diselia oleh Sdr. Zulfakar Wahib (n.a 3220), Setiausaha Koperasi NSTP (M) Berhad.

<u>Keputusan</u>: Pemilihan dua (2) pencatat minit untuk Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-54 dicadang dan disokong oleh semua perwakilan.

Dengan perlantikan pengerusi mesyuarat dan pemilihan dua (2) pencatat minit, Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-54 dimulakan.

DIBENTANG DAN DIBINCANGKAN

AGENDA 1 : MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-53

Pengerusi membentangkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-53. (Rujuk Laporan Tahunan 2021 muka surat 26 – 42). Beliau memaklumkan bahawa minit ini telah disahkan oleh Jawatankuasa Penentusah Minit yang telah dilantik.

<u>Dicadang oleh</u>: Sdr. Kamarulzaman Salleh (n.a 8771) <u>Disokong oleh</u>: Sdr. Shukor Hj. Othman (n.a 2502)

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju mengesahkan Minit Mesyuarat

Agung Perwakilan Ke-53.

AGENDA 2 : MELANTIK 10 ORANG JAWATANKUASA UNTUK MENENTUSAH DRAF MINIT

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-54 YANG TERDIRI

DARIPADA:-

EMPAT (4) ORANG: ANGGOTA LEMBAGA

ENAM (6) ORANG : PERWAKILAN

Pengerusi memaklumkan bahawa empat (4) orang Anggota Lembaga sebagai Jawatankuasa untuk Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-54 akan ditentukan oleh Anggota Lembaga.

Pencalonan untuk enam (6) orang perwakilan sebagai Jawatankuasa untuk Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-54 adalah seperti berikut:-

Cadangan pertama	: Sdr. Mohd Firdaus Mohd Ali	(n.a 9370)
Dicadang oleh	: Sdr. Mohd Rizan Akmar Taharuddin	(n.a 10117)
Disokong oleh	: Sdr. Nor Azmi Ali	(n.a 6077)
Cadangan kedua	: Sdr. Mohd Rizan Akmar Taharuddin	(n.a 10117)
Dicadang oleh	: Sdr. Mohd Firdaus Mohd Ali	(n.a 9370)
Disokong oleh	: Sdr. Mohd Hafiz Mohamad Ghazali	(n.a 8424)
Cadangan ketiga	: Sdr. Shukor Hj Othman	(n a 2502)
Dicadang oleh	: Sdr. Mohd Hidzir Md Ismail	(n.a 4995)
Disokong oleh	: Sdr. Roslan Baharuddin	(n.a 1979)
Cadangan keempat	: Pn. Dauza Umat	(n.a 4886)
Dicadang oleh	: Sdr. Khairi Abdul Khalid	(n.a 8212)
Disokong oleh	: Sdr. Mohd Hidzir Md Ismail	(n.a 4995)
Cadangan kelima	: Sdri. Salina Abdul Rahim	(n.a 10390)
Dicadang oleh	: Sdr. Roslan Baharuddin	(n.a 1979)
Disokong oleh	: Sdr. Shukor Hj Othman	(n.a 2502)
Cadangan keenam	: Sdr. Kamarulzaman Salleh	(n.a 8771)
Dicadang oleh	: Pn. Dauza Umat	(n.a 4886)
Disokong oleh	: Sdr. Zolkefli Hamzah	(n.a 3953)

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) mencadangkan supaya cadangan ditutup. Mesyuarat setuju dengan cadangan tersebut.

<u>Keputusan</u>: Dengan cadangan di atas, mesyuarat sebulat suara melantik enam (6) orang perwakilan seperti nama di atas sebagai Jawatankuasa Menentusah Minit Ke-54.

AGENDA 3 : PEMILIHAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA TAMAT TEMPOH JAWATAN

Pengerusi memaklumkan bahawa Anggota Lembaga yang telah tamat tempoh jawatan mengikut Undang-Undang Kecil 37 Fasal (1) pada tahun ini adalah seperti berikut:-

1.	Sdr. Muhammad Anis Abdullah	(n.a 6619)
2.	Sdr. Khairuzzaman Mohamad	(n.a 4915)
3.	Sdr. Khairi Abdul Khalid	(n.a 8212)
4.	Sdr. Ahmad Shukran Mohamed Salleh	(n.a 5222)

SENARAI CALON UNTUK JAWATAN ANGGOTA LEMBAGA

Pengerusi memaklumkan bahawa koperasi hanya menerima empat (4) pencalonan untuk jawatan Anggota Lembaga iaitu:-

1.	Sdr. Khairi Abdul Khalid	(n.a 8212)
2.	Sdr. Ahmad Shukran Mohamed Salleh	(n.a 5222)
3.	Sdr. Ahmad Nizam Eusoff	(n.a 5660)
4.	Sdr. Khairuzzaman Mohamad	(n.a 4915)

Semua calon di atas telah diberi peluang selama dua (2) minit untuk memperkenalkan diri dan menyatakan wawasan mereka untuk koperasi.

<u>Keputusan</u>: Mesyuarat sebulat suara bersetuju memilih empat (4) calon di atas dengan keputusan menang tanpa bertanding.

PENYERAHAN SIJIL PERLANTIKAN & BACAAN IKRAR

Pengerusi menyerahkan sijil perlantikan kepada mereka.

Empat (4) Anggota Lembaga sesi 2022/2025 yang baru dilantik membaca ikrar di hadapan semua perwakilan.

AGENDA 4 : MENERIMA DAN MELULUSKAN LAPORAN-LAPORAN

A) LAPORAN LEMBAGA BAGI TAHUN 2021

Pengerusi membentangkan Laporan Lembaga Bagi Tahun 2021. Laporan ini termasuk Laporan Jawatankuasa Kecil yang terdiri daripada:-

- a) Jawatankuasa Kewangan, Pentadbiran, Pengurusan Hartanah & Modal Insan
- b) Jawatankuasa Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Skim Perlindungan
- c) Jawatankuasa Kutipan, Litigasi & Pengurusan Risiko
- d) Jawatankuasa Komersial, Bisnes & Coopmart
- e) Jawatankuasa Ar-Rahnu
- f) Jawatankuasa Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi

Rujuk Laporan Tahunan 2021 (muka surat 43 - 68).

Sdr. Shukor Hj. Othman (n.a 2502) merujuk kepada Laporan Jawatankuasa Pengurusan Hartanah muka surat 48. Beliau ingin tahu siapa bertanggungjawab untuk urusan hartanah tersebut dan apa status Sri Tijanni pada masa sekarang.

Beliau juga berterima kasih dengan ALK sedia ada kerana KNSTP berjaya memiliki hartanah berupa kedai pejabat dan kondominium.

Pengerusi memaklumkan bahawa Jawatankuasa Kewangan, Pentadbiran, Pengurusan Hartanah & Modal Insan bertanggungjawab untuk pengurusan hartanah dan kakitangan yang bertugas adalah Pn. Nazirah Abd Manap (n.a 10181). Dalam proses mendapatkan penyewa, kondominium Sri Tijanni akan dijadikan sebagai "travel stay" dan iklan telah dihebahkan.

Sdr. Shukor Hj. Othman (n.a 2502) mendapati lampu di papan tanda Coopmart dan di lorong hadapan Coopmart tidak menyala dan mohon pengurusan mengambil tindakan segera.

Pengerusi memaklumkan bahawa SKM dalam proses penjenamaan semula semua papan tanda Coopmart kepada semua koperasi yang menjalankan aktiviti runcit termasuk KNSTP. Kelulusan telah dikeluarkan kepada pembekal papan tanda yang berkaitan.

Dicadang oleh: Sdr. Shukor Hj. Othman (n.a 2502). Disokong oleh: Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979).

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan

Laporan Lembaga bagi Tahun 2021.

B) LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI SESI 2021/2022

Pengerusi membentangkan laporan di atas. Rujuk Laporan Tahunan 2021 (muka surat 69 – 70).

Dicadang oleh: Pn. Dauza Umat (n.a 4886)

Disokong oleh: Sdr. Muhammad Asyadi Omar (n.a 7692)

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan

Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Bagi Sesi 2021/2022.

C) LAPORAN JURUAUDIT LUAR DAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Sdr. Abdul Rahim Llin (n.a 5261) selaku Bendahari KNSTP membentangkan Laporan Juruaudit Luar dan Penyata Kewangan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2021. Rujuk Laporan Tahunan 2021 (muka surat 75 - 122).

Ringkasan keseluruhan prestasi kewangan adalah seperti berikut :-

BUTIRAN	TAHUN 2021	TAHUN 2020	PENINGKATAN / (PENURUNAN)	PERATUS % NAIK / (TURUN)
Pendapatan	3,027,612	3,231,507	-203,895	-6.30%
Perbelanjaan	2,608,400	2,576,370	32,030	1.24%
Keuntungan Bersih	419,212	655,137	-235,925	-36%

PENDAPATAN

Sebab pendapatan menurun :

- a) <u>Kredit</u>: Skim Pembiayaan jangka panjang dibuka dengan mengikut kuota yang ditetapkan.
- b) <u>Peruncitan</u>: Tiada hasil jualan buku sebab tiada lagi tawaran dari NSTP berikutan peperiksaan UPSR & PT3 dimansuhkan.
- c) <u>Hartanah</u>: Kontrak sewa Sri Tijanni telah tamat dan tidak diperbaharui. Penyewa premis lain sedia ada memohon diskaun atas kadar sewa yang ditetapkan.
- d) <u>Lain-lain pendapatan</u>: KNSTP tidak lagi menerima subsidi kerajaan (upah) sebagaimana yang diterima pada tahun 2020 sebanyak RM102,600.

Sebab pendapatan meningkat:

- a) Pelaburan : Pendapatan tunggakan dividen dari HLA diterima.
- b) <u>Pengguna</u>: Pengiklanan meningkat sebab sokongan dari pembekal KNSTP menyertai iklan di Laporan Tahunan 2020.
- c) <u>Ar-Rahnu</u>: Perkhidmatan pajak gadai Islam mendapat sambutan baik dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

PERBELANJAAN

Sebab perbelanjaan meningkat:

- a) Kos jualan aktiviti runcit: Kos atas jualan tinggi kerana kadar margin yang rendah.
- b) <u>Belanja pengurusan hartanah</u>: Belanja kendalian meningkat.

- c) <u>Aktiviti Ar-Rahnu</u>: Tiada lagi moratorium dari Bank Rakyat. Kos selenggara sistem keselamatan meningkat sebab pertukaran ke sistem keselamatan yang baru.
- d) <u>Elaun Lembaga Pengarah</u>: Meningkat sebab elaun dibayar mengikut kadar yang ditetapkan. Pada tahun 2020, ALK setuju untuk kurangkan elaun bulanan sebanyak RM100 bagi tempoh 3 bulan iaitu April hingga Jun 2020.
- e) Susutnilai aset tetap: Tambahan belian aset di Saville kajang.

Sebab perbelanjaan menurun:

- a) Yuran audit luar: Pada tahun 2021, kadar yuran audit luar adalah sebenar berbanding tahun 2020 dimana belanja pada tahun sebelumnya tidak dicatat.
- b) <u>Perbelanjaan kewangan</u>: KNSTP menerima moratorium dari SKM bagi tempoh 6 bulan iaitu Julai Disember 2022.
- c) Mesyuarat Agung: Belanja MAPT turun dari RM32,394 ke RM20,709 sebab KNSTP mengadakan AGM di Kuala Lumpur sahaja. Berbanding pada tahun 2020, ianya diadakan di Thistle, Port Dickson dan pakej seminar termasuk penginapan 1 malam.
- d) Gaji dan perbelanjaan kakitangan: Kawalan perbelanjaan.
- e) Lain-lain perbelanjaan : Kawalan perbelanjaan.

KESIMPULAN:

Pendapatan menurun dan perbelanjaan meningkat disebabkan faktor-faktor di atas telah menyebabkan keuntungan bersih menurun sebanyak tiga puluh enam peratus (36%). Sebab utama adalah pada tahun 2020, KNSTP menerima subsidi kerajaan sebanyak RM102,600 dan moratorium dari Bank Rakyat untuk tempoh 6 bulan dengan anggaran sebanyak RM198,000.

PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

Dengan keuntungan bersih RM419,212, ALK mencadangkan

- a) pemberian dividen sebanyak tiga peratus (3%) atas modal yuran anggota pada 30 Jun 2021. Amaun dividen yang akan dibayar adalah RM354.548
- b) Tabung Perlindungan Pembiayaan sebanyak RM10,000
- c) Tabung Kebajikan Am sebanyak RM8,000

Pn. Dauza Umat (n.a 4886) merujuk kepada Nota 16 : Modal Yuran Anggota iaitu "Nota : Bilangan ahli keluarga tidak diambilkira pada tahun sebelumnya" dan mohon penjelasan sebab nota tersebut dikeluarkan.

Pn Rodziah Jamaah (n.a 6768) memaklumkan bahawa bilangan anggota sebanyak 1,394 adalah termasuk ahli keluarga yang tidak diambil kira pada tahun-tahun sebelumnya. Perkara ini ditemui semasa pengauditan. Maka beliau telah meletakkan catatan tersebut. Sekiranya catatan tidak direkod, isu akan berlarutan dari setahun ke setahun. Tawaran ahli keluarga untuk menjadi anggota bermula tahun 2019. Beliau menegaskan bahawa nilai modal yuran adalah betul. Kini, beliau dalam proses menyemak semula bilangan sebenar anggota dan akan kemaskini di Laporan Kewangan 31 Disember 2022.

Pn. Dauza Umat (n.a 4886) mencadangkan supaya bilangan anggota dikategorikan mengikut status seperti aktif, bekas kakitangan dan ahli keluarga di masa akan datang.

<u>Keputusan</u>: Mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk mempertimbangkan cadangan.

Sdr. Shukor Hj. Othman (n.a 2502) mohon kepastian bilangan ahli keluarga yang telah menjadi anggota KNSTP.

Bendahari memaklumkan bahawa setelah mengambil kira ALK yang membawa masuk pasangan sebagai anggota, bilangan anggota dari ahli keluarga adalah hampir 30 orang. Beliau menggalakkan perwakilan untuk turut membawa ahli keluarga untuk menjadi anggota koperasi.

Sdr. Shukor Hj. Othman (n.a 2502) menyokong saranan tersebut. Ini kerana, ianya akan meningkatkan bilangan anggota di koperasi.

Sdr. Mohd Firdaus Mohd Ali (n.a 9370) memaklumkan bahawa Sdr. Muhammad Zaim Remali @ Ramli (n.a 9670) telah berhenti sebab Pemberhentian Kakitangan di syarikat. Selepas dua tahun, didapati beliau mempunyai tunggakan modal yuran. Beliau mempersoalkan, adakah koperasi membuat tindakan susulan dengan menghubungi anggota yang terlibat.

Bendahari memaklumkan bahawa isu ini telah disiasat dan mendapati bahawa Sdr. Muhammad Zaim Remali @ Ramli (n.a 9670) tidak menghantar borang persetujuan untuk sambung anggota. Keperluan mengisi borang ini telah dimaklumkan sebelum beliau berhenti tetapi, tidak dihantar kepada KNSTP semula menyebabkan terlepas pandang. Oleh itu, nama beliau tidak tersenarai dalam nama-nama anggota yang perlu dibuat kutipan modal yuran oleh Unit Keanggotaan.

Sdr. Mohd Firdaus Mohd Ali (n.a 9370) mohon penjelasan, adakah KNSTP boleh kenalpasti anggota yang gagal membayar modal yuran.

Bendahari menjelaskan bahawa ianya boleh disemak secara individu.

Pengerusi memaklumkan bahawa KNSTP mempunyai kumpulan Whatsapp untuk anggota 'aktif sambung'. Peringatan membayar modal yuran telah dimaklumkan kepada anggota terlibat setiap bulan. Namun, ianya tidak dilakukan secara individu. Pengurusan KNSTP berharap dengan peringatan ini, anggota faham akan tanggungjawab untuk membayar modal yuran tersebut.

<u>Dicadang oleh</u>: Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) <u>Disokong oleh</u>: Sdr. Zolkefli Hamzah (n.a 3953).

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan

Laporan Juruaudit Luar dan Penyata Kewangan Bagi Tahun

Kewangan Berakhir 31 Disember 2021.

PANDANGAN SURUHANJAYA KE ATAS AKAUN-AKAUN DAN KUNCI KIRA-KIRA KOPERASI BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 D)

Pengerusi membentangkan Pandangan Suruhanjaya ke atas Akaun-akaun dan Kunci Kira-kira Koperasi Berakhir 31 Disember 2020. Rujuk Laporan Tahunan 2021 (muka surat 71 - 74).

Justifikasi dan tindakan pihak pengurusan adalah seperti berikut:-

(a) Penghantaran Borang Cukai Pendapatan Koperasi

Fail LHDN dan dokumen kiraan cukai disediakan oleh ejen pengiraan cukai yang dilantik dan dihantar setiap tahun kepada LHDN. KNSTP akan menyimpan salinan borang dan dokumen penerimaan untuk tujuan rekod dan rujukan.

(b) Akaun Deposit Koperasi

ALK dan Pengurusan KNSTP maklum tentang tanggungjawab ini. Namun, ianya terhalang disebabkan ramai anggota berhenti pada tahun 2020 & 2021 dan bayaran caruman yang perlu dibayar hampir RM 1.5 juta. Bayaran balik pembayaran anggota berhenti telah dibayar secara berperingkat mengikut tarikh borang dihantar. Sumber kewangan sedia ada yang terhad perlu diperuntukkan kepada pelbagai kegunaan seperti belanja kakitangan, belanja operasi, modal Ar-Rahnu, pembiayaan kepada anggota, runcit, pengeluaran modal yuran, pengeluaran simpanan khas, aktiviti runcit dan belanja am yang lain.

Kini, tunggakan bayaran anggota berhenti telah selesai. Pindaan UUK bagi perkara tempoh notis anggota berhenti yang diseragamkan kepada setahun di MAPT Ke-53 pada 21 November 2021 telah mendapat kelulusan SKM pada Mei 2022.

Koperasi akan memohon rayuan kepada Bahagian Penyeliaan & Tadbir Urus, SKM Ibu Pejabat supaya pendepositan adalah secara berperingkat kerana amaun yang perlu dibayar adalah besar dan kemampuan kewangan KNSTP adalah terhad.

Pihak KNSTP akan membuat pendedahan bagi ADK & KWRS ini dalam Nota kepada Akaun pada laporan Kewangan 31 Disember 2022.

(c) Pelbagai Penghutang, Deposit & Prabayar (Nota 13)

- Kurangan lelongan RM352,327: Amaun tinggi kerana penggadai tidak menebus barang gadaian sehingga ianya perlu dilelong. Kutipan lelongan tidak mencukupi untuk selesaikan baki pembiayaan sehingga menyebabkan adanya kurangan lelongan. Pengurusan KNSTP juga telah mengambil inisiatif dengan menghubungi pelanggan tersebut bagi tujuan kutipan.
- Pelbagai siberhutang sebanyak RM666,440 : Amaun penghutang disebabkan oleh salah laku kakitangan dan telah dibentangkan di MAPT ke-46 semasa pembentangan agenda Pindaan Tabung Perlindungan Pembiayaan. Peruntukan hutang ragu akan dibuat untuk tempoh 7 tahun. Pada tahun 2021, baki adalah RM499,840.
- <u>Pelbagai penghutang FIS Data Link / Ar-Rahnu Dataran Mentari & Bandar Seri Putra berbaki negatif</u>: Pelarasan telah dibuat di Laporan Kewangan 31/12/2021.
- Perincian lebih jelas dalam nota kepada akaun bagi lain-lain penghutang dan deposit berjumlah RM337,741 : Perincian akan dilaksanakan di Laporan Kewangan 31/12/2022.

d) Laporan Pengurusan Juruaudit

- Pelaburan dalam syer siar harga Dua saham siarharga telah dihapuskira pada Laporan Kewangan 31/12/2021 kerana saham telah dinyahhapus. Saham siarharga telah berada dalam rekod kewangan KNSTP dalam tempoh yang lama dan baki saham dibawa ke hadapan dari setahun ke setahun. Saham ini sukar dijual sebab bilangan unit yang sedikit. Pengurusan KNSTP akan membuat tindakan selanjutnya.
- <u>Syarikat Bersekutu</u>: ALK dan Pengurusan KNSTP akan membuat tindakan susulan kepada pengurusan Media Travel untuk memastikan Laporan Kewangan diterima dalam tempoh yang ditetapkan.

<u>Keputusan</u>: Mesyuarat sebulat suara menerima Pandangan Suruhanjaya ke atas Akaun-akaun dan Kunci Kira-kira Koperasi Berakhir pada 31 Disember 2020 dan justifikasi yang dibentangkan.

AGENDA 5 : MELULUSKAN PEMBAYARAN DIVIDEN SEPERTI YANG DISYORKAN OLEH LEMBAGA DI DALAM LAPORAN LEMBAGA

Pengerusi memaklumkan Lembaga mengesyorkan kadar dividen adalah tiga peratus (3.0%) atas modal yuran anggota pada 30 Jun 2021.

<u>Dicadang oleh</u>: Sdr. Zolkefli Hamzah (n.a 3953) <u>Disokong oleh</u>: Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979).

<u>Keputusan</u>: Mesyuarat sebulat suara bersetuju meluluskan cadangan pemberian

dividen dengan kadar peratus di atas.

AGENDA 6 : MENERIMA DAN MELULUSKAN ATURAN SKIM SIMPANAN KHAS

Pengerusi membentangkan Aturan Skim Simpanan Khas. Rujuk Laporan Tahunan 2021 muka surat 123 - 124. Beliau memaklumkan bahawa skim ini telah digunapakai. Pada tahun ini, ianya dibentangkan semula, kerana ada tambahan klausa yang dicadangkan iaitu "Perkara 5.2 Syarat Pengeluaran: membenarkan koperasi melunaskan baki pembiayaan dari simpanan khas". Ini berlaku kepada anggota berhenti, sekiranya modal yuran tidak mencukupi.

Pn. Dauza Umat (n.a 4886) memohon kepastian adakah KNSTP dibolehkan untuk kontra simpanan khas untuk selesaikan baki pembiayaan.

Pengerusi menjelaskan ianya dibenarkan sebagaimana yang dicadangkan dalam aturan tersebut. Sekiranya diluluskan, aturan ini akan dijadikan panduan kepada KNSTP.

Sdr. Nor Azmi Ali (n.a 6077) bertanya, apakah mekanisma terbaik yang dilakukan oleh KNSTP dalam usaha menghalang anggota dari berhenti seperti memujuk ahli-ahli yang ingin berhenti.

Pengerusi memaklumkan bahawa langkah tersebut telah dilaksanakan dimana sesi kaunseling dilakukan dan ianya dilakukan sendiri oleh Pn Rodziah. Namun, keputusan anggota untuk berhenti tidak dapat dihalang kerana prinsip koperasi adalah sukarela.

Selain itu, Sdr. Nor Azmi Ali (n.a 6077) memohon pengesahan sekiranya KNSTP mempunyai langkah proaktif lain dalam usaha mengekalkan anggota sedia ada.

Pengerusi memaklumkan bahawa KNSTP kerap mengadakan kempen dengan menghebahkan produk dan manfaat yang akan diperolehi apabila menjadi anggota. Antara kelebihan adalah khairat kematian, manfaat kebajikan seperti bencana alam, manfaat tahun satu dan skim perlindungan Takaful Idaman. Skim ini memberi perlindungan sebanyak RM17,000 sekiranya berlaku kematian kepada anggota dengan caruman serendah RM10 sebulan.

Sdr. Shukor Hj. Othman (n.a 2502) amat menghargai anggota-anggota lama kerana walaupun telah berhenti kerja di syarikat, mereka masih hadir ke KNSTP untuk memperbaharui insurans dan cukai jalan. Ini berbeza dengan anggota dari kalangan kakitangan baru.

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) memaklumkan bahawa keputusan untuk berhenti atau meneruskan menjadi anggota adalah tertakluk kepada kehendak anggota itu sendiri. Beliau menyatakan bahawa adalah sukar bagi sesetengah anggota untuk membayar caruman setiap bulan sebagaimana yang mesti dilakukan oleh setiap anggota.

<u>Dicadang oleh</u>: Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) <u>Disokong oleh</u>: Sdr. Kamarulzaman Salleh (n.a 8771)

Keputusan : Mesyuarat setuju menerima dan meluluskan Aturan Skim

Simpanan Khas.

AGENDA 7 : MENGESAHKAN ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2023

Bendahari membentangkan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2023. Rujuk Laporan Tahunan 2021 muka surat 125 – 126.

<u>Dicadang oleh</u>: Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) <u>Disokong oleh</u>: Sdr. Salehudin Shah Shabudin (n.a 4488)

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima dan mengesahkan

Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2023.

AGENDA 8 : MELANTIK JURUAUDIT LUAR BAGI TAHUN 2022

Pengerusi memaklumkan bahawa senarai nama Juruaudit Luar yang dicadangkan untuk dilantik seperti tersenarai dalam notis adalah seperti berikut:-

- i) Al-Jeffri Dean Chartered Accountant
- ii) Kamal Zahari & Co
- iii) Afrizan Tarmili Khairul Azhar Chartered Accountants
- iv) Hisham & Co Chartered Accountants (Malaysia) Berhad

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) mencadangkan supaya Anggota Lembaga diberikan hak untuk memilih berdasarkan senarai di atas.

Keputusan: Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima cadangan tersebut.

AGENDA 9 : MEMBERI KUASA KEPADA LEMBAGA MEMINJAM WANG TIDAK MELEBIHI RM300,000,000 (RINGGIT MALAYSIA : TIGA RATUS JUTA SAHAJA) DENGAN KADAR FAEDAH PASARAN SEMASA

<u>Dicadang oleh</u>: Sdr. Rameshdev Singh a/I Gordeyap Singh (n.a 8176)

<u>Disokong oleh</u>: Sdr. Kamarulzaman Mohd Salleh (n.a 8771)

<u>Keputusan</u> : Mesyuarat sebulat suara bersetuju memberi kuasa kepada

Anggota Lembaga meminjam wang tidak melebihi RM300,000,000 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja)

dengan kadar faedah pasaran semasa.

AGENDA 10 : MEMBERI KUASA KEPADA LEMBAGA MELABUR TIDAK MELEBIHI RM300,000,000 (RINGGIT MALAYSIA : TIGA RATUS JUTA SAHAJA) DARI WANG LEBIHAN KOPERASI

Dicadang oleh: Pn. Dauza Umat (n.a 4886)

Disokong oleh: Sdr. Shukor Hj. Othman (n.a 2502)

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju memberi kuasa kepada

Anggota Lembaga melabur tidak melebihi RM300,000,000 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dari wang lebihan

koperasi.

AGENDA 11 : MENIMBANGKAN USUL DAN LAIN-LAIN PERKARA DI MANA NOTIS TELAH DIBERIKAN SECARA BERTULIS SEKURANG-KURANGNYA TUJUH (7) HARI SEBELUM TARIKH MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-54

Setiausaha memaklumkan bahawa koperasi menerima enam (6) usul dari perwakilan. Sila rujuk dokumen Usul. Usul terbahagi kepada dua (2) iaitu usul berkaitan kewangan dan operasi.

Enam (6) usul tersebut adalah seperti berikut :-

1) Amaun Skim Tunai Segera dan Kecemasan dinaikkan dari RM500 ke RM1,000 dan RM2,000 ke RM3,000. Cadangan ini munasabah atas faktor ekonomi buat masa kini. Keutamaan adalah Skim Tunai Segera

Setiausaha memaklumkan bahawa pengurusan KNSTP perlu membuat kajian tentang risiko dan kemampuan bayaran balik anggota terlebih dahulu. Skim baru yang ditawarkan kepada anggota adalah Skim Pembiayaan Sara Hidup sebanyak RM1,000 seorang. Ianya terbuka kepada anggota yang tidak layak membayar pinjaman melalui potongan gaji.

Sdr. Mohd Firdaus Mohd Ali (n.a 9370) berharap pengurusan KNSTP dapat mempertimbangkan cadangan menaikkan amaun pembiayaan Skim Tunai Segera.

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) mencadangkan supaya amaun Skim Pembiayaan Tunai Segera dinaikkan ke RM1,000.

Pn. Rodziah Jamaah (n.a 6768) memaklumkan bahawa Skim Pembiayaan Tunai Segera merupakan pembiayaan segera dan tidak memerlukan dokumen penyata gaji bagi tujuan semakan kelayakan potongan gaji. Bayaran balik untuk skim pembiayaan ini adalah RM50 sebulan.

<u>Keputusan</u>: Mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk mempertimbangkan cadangan untuk Skim Pembiayaan Tunai Segera.

2) <u>Hadiah atau penghargaan kepada anggota yang paling lama dan setia di</u> Koperasi

Setiausaha memaklumkan bahawa usul ini telah dibincangkan di kalangan ALK dan kini, dalam proses kajian termasuk terma dan syarat. Beliau menjelaskan bahawa antara syarat yang dikenakan adalah anggota mesti membayar modal yuran secara konsisten dan tiada tunggakan modal yuran. Hadiah yang akan diberikan berupa modal syer.

<u>Keputusan</u>: Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan usul yang diberikan. Jenis hadiah, terma dan syarat serta perlaksanaan akan ditetapkan oleh ALK.

3) <u>Elaun kehadiran Mesyuarat Agung Kawasan dinaikkan dari RM50 ke</u> RM70

Setiausaha memaklumkan bahawa elaun kehadiran Mesyuarat Agung Kawasan telah dinaikkan dari RM30 ke RM50 pada tahun 2018. Beliau berpendapat bahawa keadaan semasa sekarang, tidak sesuai untuk dinaikkan kadar elaun.

<u>Keputusan</u>: Mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk mengekalkan kadar elaun kehadiran semasa iaitu RM50.

4) <u>Mantapkan lagi kolaborasi antara Koperasi dengan Kelab Media Prima di Sri Pentas. Produk-produk pilihan pastikan ada di Koperasi di Balai</u> Berita dan Kelab Media Prima di Sri Pentas

Setiausaha memaklumkan bahawa kolaborasi telah sedia ada dijalankan oleh kedua belah pihak. Sebagai contoh : T Shirt Kelab Media ada di jual di Coopmart. Koperasi sentiasa bersedia, sekiranya ada sebarang tawaran dari Kelab Media Prima.

<u>Keputusan</u>: Mesyuarat maklum dan berharap kolaborasi diteruskan dengan kerjasama dari semua pihak.

5) <u>Membeli 1 atau 2 buah MPV besar dan disewakan kepada ahli dengan sewaan di bawah harga pasaran. Dapat menjana pendapatan tambahan bagi Koperasi dan menarik minat ahli baru</u>

Setiausaha memaklumkan bahawa ALK akan mempertimbangkan cadangan. Kini, Media Travel Sdn Bhd mempunyai sewaan kenderaan.

Selain itu, KNSTP juga mempunyai kenalan yang boleh sewakan kenderaan. Oleh itu, KNSTP akan berkomunikasi bagi pihak anggota untuk tempahan. Pembelian MPV pada masa ini, tidak sesuai kerana kos selenggara yang tinggi. Dalam masa yang sama, akan membantu rakan kongsi iaitu Media Travel yang menawarkan sewaan kereta seperti Starex & Velfire.

Sdr Mohd Firdaus Mohd Ali (n.a 9370) memaklumkan bahawa Koperasi Lembaga Lebuh Raya (KLLM) telah menawarkan pakej yang sama dengan harga lebih rendah dari harga pasaran.

Beliau juga mencadangkan supaya koperasi menawarkan pakej sewa dan sediakan pembiayaan kepada anggota yang berminat.

<u>Keputusan</u>: Mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk mempertimbangkan usul ini. Jawatankuasa Komersial, Bisnes & Coopmart akan bertanggungjawab untuk membincangkan usul ini lebih lanjut terutama dari segi pemasaran.

6) <u>Isu Penjamin – sejauh manakah keberkesanan pihak yang dilantik oleh</u> Koperasi dalam mengutip hutang

Setiausaha memaklumkan bahawa pengurusan KNSTP telah melaksanakan pelbagai prosidur tuntutan seperti surat peringatan, dan melantik agen kutipan hutang. Kini, KNSTP telah melantik lima (5) syarikat pengutip hutang dan nama-nama penghutang telah diserahkan untuk dikutip. Dari segi perundangan pula, setiap kes tuntutan anggota yang meninggalkan baki pembiayaan, perlaksanaan perlu melalui Tribunal Koperasi terlebih dahulu.

Beliau memaklumkan bahawa kebanyakan penjamin akan meminta koperasi mencari peminjam. Sebenarnya, kakitangan telah menghubungi peminjam, namun, tiada maklum balas. Arahan potongan gaji dibuat bertujuan supaya penjamin dapat membantu mendapatkan peminjam dan kemaskini maklumat terutama nombor telefon.

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) memaklumkan bahawa risiko menjadi penjamin adalah risiko potongan gaji.

<u>Keputusan</u>: Mesyuarat maklum dan meminta pengurusan KNSTP melaksanakan tindakan berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan.

CADANGAN / HAL-HAL LAIN

Sdr. Muhammad Asyadi Omar (n.a 7692) mohon kepastian tempoh Skim Pembiayaan Jangka Panjang seperti Skim Pembiayaan RM5,000 tanpa penjamin dan Skim Pengguna kepada kakitangan Print Tower Sdn Bhd (PTSB) dibekukan.

Setiausaha memaklumkan bahawa risiko KNSTP adalah anggota akan berhenti selepas satu (1) tahun iaitu selepas memperolehi bayaran gaji tertunggak, pemberian bonus dan elaun rumah selesai. Oleh itu, skim ini akan dibuka selewat-lewatnya awal tahun 2023. Beliau memaklumkan KNSTP pernah mempertimbangkan dan meluluskan rayuan Skim Pengguna dari anggota PTSB sebanyak RM7,000 untuk membeli motorsikal bagi kegunaan hadir bekerja di NSTP Prai. KNSTP juga telah meluluskan pembiayaan sekiranya caruman anggota tersebut mencukupi untuk melindungi pembiayaan.

Sdr. Shukor Hj. Othman (n.a 2502) meminta semua perwakilan supaya bangkit bersuara di MAPT. Pengerusi memaklumkan bahawa sebahagian perwakilan hari ini adalah perwakilan baru dan mereka dalam proses meneliti perjalanan mesyuarat agung perwakilan. Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) berharap semua perwakilan tidak malu untuk memberi idea dan memberi sokongan kepada koperasi untuk terus maju.

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) memohon kepastian tentang tarikh dividen akan dibayar.

Pengerusi memaklumkan bahawa tarikh pembayaran akan dimaklumkan kepada anggota melalui notis.

KOMEN DAN SARANAN PEGAWAI SKM

En. Mohd Aliff Redzuan Azman, Penolong Pengarah SKM WP mengucapkan tahniah kepada ALK dan perwakilan KNSTP kerana telah memenuhi tanggungjawab mengadakan MAPT. Mesyuarat agung adalah platform untuk bersuara bagi mewakili anggota. Bagi meningkatkan kewangan, semua perlu memberikan idea-idea baru. SKM akan sentiasa berganding bahu dengan KNSTP sekiranya ingin bekerjasama dengan koperasi-koperasi lain.

Pengerusi menerima sebarang idea dan teguran yang diberikan.

PENUTUP

Sebelum mengakhiri mesyuarat, pengerusi sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada :-

EN. MUSTAPHA KAMIL MOHD JANOR, Ketua Pegawai Eksekutif NSTP (M) Berhad;

EN. JAAFAR AHMAD, Pengarah SKM Wilayah Persekutuan;

EN. MOHD ALIFF REDZUAN AZMAN, Penolong Pengarah SKM Wilayah Persekutuan dan

HISHAM & CO, Juruaudit Luar Koperasi

di atas jasa baik dan nasihat yang diberikan.

PENGURUSAN KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (M) BERHAD,

KUMPULAN MEDIA PRIMA BERHAD;

SUNLIFE MALAYSIA ASSURANCE BERHAD;

ALLIANZ GENERAL INSURANCE COMPANY BERHAD;

MALAY MAIL SDN BHD dan

MEDIA TRAVEL & HOLIDAYS SDN BHD

yang telah memberi sokongan, bantuan dan kerjasama yang berterusan.

ANGGOTA;

ANGGOTA LEMBAGA;

AHLI JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN;

PERWAKILAN dan

KAKITANGAN KOPERASI

serta orang perseorangan yang terlibat dalam menjayakan mesyuarat ini.

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-54 ditangguhkan jam 11.45 malam.

DISEDIAKAN OLEH

RODZIAH JAMA'AH

Pencatat Minit

Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-54

NAZIRAH ABDUL MANAP

Pencatat Minit

Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-54

DISEMAK OLEH:

ZULFAKAR WAHIB

Setiausaha

Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-54

Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-54, yang diadakan pada hari Sabtu, 13 Ogos 2022 bermula jam 9.00 malam di Bilik Zheng Hee, Tingkat 22, Hotel Hatten, Jalan Merdeka, Bandar Hilir, 75000 Melaka; telah disemak dan ditentusahkan betul oleh Jawatankuasa Menentusah Minit di mesyuarat yang diadakan pada Khamis, 1 September 2022 jam 12.30 tengahari bertempat di Bilik Mesyuarat Koperasi NSTP (M) Berhad, Tingkat 1, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

BIL	NAMA	JAWATAN	NO. ANGGOTA	TANDATANGAN
1.	Mohd Fadzil Abdul Ghani	Pengerusi	6456	
2.	Abdul Rahim Llin	Bendahari	5261	
3.	Baharuddin Ishak	Pen. Setiausaha	6514	- Javar
4.	Fazleesham Mohd Yunus	Pen. Bendahari	4270	Solus.
5.	Mohd Firdaus Mohd Ali	Perwakilan	9370	R
6.	Mohd Rizan Akmar Taharuddin	Perwakilan	10117	fi.
7.	Hj. Shukor Hj. Othman	Perwakilan	2502	25-7.
8.	Dauza Umat	Perwakilan	4886	Sup
9.	Salina Abd Rahim	Perwakilan	10390	
10.	Kamarulzaman Salleh	Perwakilan	8771	John

KEHADIRAN

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-54

SENARAI KEHADIRAN

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-54

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD TEMPAT : HATTEN HOTEL, JALAN MERDEKA, BANDAR HILIR, 75000 MELAKA

TARIKH: SABTU, 13 OGOS 2022 MASA: 8:30 MALAM

BIL	NAMA	NO ANGGOTA	TANDATANGAN
	ANGGOTA LEMBAGA		M
1	Mohd Fadzil Bin Abdul Ghani	6456	
2	Zulfakar bin Wahib	3220	1 N
3	Abdul Rahim bin Llin	5261	Zd.
4	Mohammad Anis Abdullah	6619	One
5	Baharuddin bin Ishak	6514	Javar
6	Ahmad Shukran bin Mohamed Salleh	5222	
7	Khairuzzaman Hj Mohammad	4915	Elaw
8	Salehudin Shah Shabudin	4488	520 10
9	Mohamad Wafi Mohamad Arof	8485	
10	Kamarulzaman Bin Pid	5935	War and the second
11	Khairi Abdul Khalid	8212	954
12	Fazleesham Bin Mohd Yunus	4270	Tallad.
	JAWATANKUASA AUDIT DALAM		0
13	Mohd Hidzir Bin Md Ismail	4995	SA
14	Ahmad Nizam Bin Eusof	5660	John
15	Mohd Hafiz Bin Mohamad Ghazali	8424	A
16	Mohamad Bin Yahya	6786	Tidak Hadir
17	Rameshdev Singh a/I Gordeyap Singh	8176	Koent
	PERWAKILAN		,
18	Dauza Umat	4886	Sty. Styr
19	Hj Shukor Hj. Othman	2502	25-7.
20	Kamarulzaman Bin Mohd Salleh	8771	Jam

BIL	NAMA	NO ANGGOTA	TANDATANGAN
21	Mohamed Zulfkifli Bin Sulaiman	9839	n'
22	Mohd Firdaus Bin Mohd Ali	9370	P
23	Mohd Rizal Bin Shaari	8772	₽¥
24	Mohd Rizan Akmar Bin Taharuddin	10117	pi,
25	Muhammad Asyadi B Omar	7692	Shop
26	Nazrul Affendi Bin Che Ibrahim	9931	Parell !
27	Nor Azmi Bin Ali	6077	,
28	Roslan Baharuddin	1979	-900
29	Salina Binti Abdul Rahim	10390	
30	Shahrul Azman Bin Sharip	8581	nan.
31	Zaiponizam Bin Hamzah	5968	Tidak Hadir
32	Zolkefli Hamzah	3953	M
	TURUT HADIR		
	SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA WILAYAH PERSEKUTUAN		
33	Jaafar Ahmad, Pengarah SKM WP		
34	Mohd Aliff Redzuan Azman, Penolong Pengarah WP		
	JURUAUDIT LUAR		
35	Nur Shafinaz Mohd Jailani, Hashim & Co		Æ.
	KAKITANGAN		
36	Rodziah binti Jama'ah	6768	Rlah
37	Ridzwan bin Ahmad	6826	K
38	Amir Mat Kupli @ Kupli	6827	Mile
39	Nor Amiza Azizi	9229	tis
40	Nazirah Abd Manap	10181	De
41	Mohd Nazri Johari	8986	Jan .
42	Ismadi Ismail	9919	Sir
43	Nor Khairina Leela Nasaruddin	10042	

LAPORAN

LEMBAGA BAGI TAHUN 2022

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada semua anggota. Bagi pihak Anggota Lembaga, saya dengan sukacitanya, membentangkan Laporan Tahunan dan Kewangan Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

UCAPAN PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman, Pengarang Urusan Kumpulan NSTP selaku Yang Dipertua Koperasi NSTP atas sokongan yang telah beliau berikan kepada koperasi. Penghargaan yang serupa juga ingin saya rakamkan kepada Tn. Hj. Efendee O.P Andu , Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan serta Pn. Norlizawati Daud, Penolong Pengarah Nasional D, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan dan pihak pengurusan Kumpulan Media Prima Berhad, Sunlife Malaysia Assurance Berhad, Allianz General Insurance Company Malaysia Berhad, Malay Mail Sdn Bhd dan Media Travel & Holidays Sdn Bhd yang telah banyak memberi dorongan kepada KNSTP sehingga dapat bergerak dengan teratur dan sempurna serta mendapat keyakinan semua pihak.

PENGURUSAN KOPERASI NSTP (M) BERHAD

Pengurusan KNSTP terdiri daripada dua belas (12) anggota lembaga dan sembilan belas (19) kakitangan. KNSTP menjalankan aktiviti iaitu pembiayaan kepada anggota, skim perlindungan diri dan keluarga, kedai runcit, pajak gadai Islam (Ar-Rahnu X'Change), sewaan kedai pejabat dan penghantaran pos laju.

Kakitangan KNSTP turut terbahagi kepada empat (4) unit utama iaitu :-

- a) Unit Pentadbiran (Modal Insan, Penggajian, Pentadbiran, Keanggotaan, IT dan Sistem, Perhubungan Awam, Komunikasi, Pengurusan Hartanah / Bangunan, Kutipan Siberhutang & Litigasi)
- b) Unit Kewangan (Pembayaran, Pembiayaan Berjangka, Pelaburan, Kutipan & Terimaan)
- c) Unit Operasi (Pembiayaan, Skim Perlindungan, Coopmart, Kiosk, Bisnes atas talian, Pengurusan Risiko, Saville Kajang & Pemasaran Produk)
- d) Unit Ar-Rahnu (Operasi Ar-Rahnu Dataran Mentari & Bandar Seri Putra, Strategi Pemasaran & Komunikasi dengan Francaisor).

Bagi tujuan melancarkan operasi, memastikan prestasi koperasi meningkat dari masa ke semasa disamping mematuhi Akta Koperasi 1993 dan Peraturan, pengurusan KNSTP terbahagi kepada enam (6) Jawatankuasa Kecil seperti berikut:-

- a) Jawatankuasa Kewangan, Pentadbiran, Pengurusan Hartanah, Bangunan & Modal Insan
- b) Jawatankuasa Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Skim Perlindungan
- c) Jawatankuasa Kutipan, Litigasi & Pengurusan Risiko
- d) Jawatankuasa Komersial, Bisnes & Coopmart
- e) Jawatankuasa Ar-Rahnu
- f) Jawatankuasa Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi

Laporan Jawatankuasa Kecil adalah seperti di muka surat berikutnya.

PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2022 & PEMBAHAGIAN BERKANUN Sila rujuk Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2022.

KEHADIRAN MESYUARAT ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

(Januari 2022 sehingga Disember 2022)

Bagi tahun 2022, anggota lembaga telah bermesyuarat sebanyak 14 kali. Mesyuarat diadakan secara bersemuka dan atas talian. Kehadiran mesyuarat setiap anggota lembaga adalah seperti berikut: -

Nama	Jumlah Mesyuarat	Hadir	Tidak Hadir	Peratus Kehadiran
Mohd Fadzil Abdul Ghani	14	14	-	100%
Zulfakar Wahib	14	14	-	100%
Abdul Rahim Llin	14	14	-	100%
Baharuddin Ishak	14	13	1	93%
Mohamad Anis Abdullah *	8	7	1	87%
Ahmad Shukran Mohamed Salleh	14	14	-	100%
Khairuzzaman Mohammad	14	12	2	86%
Salehudin Shah Shabudin	14	14	-	100%
Mohamad Wafi Mohamad Arof	14	14	-	100%
Kamarulzaman Pid **	14	11	3	79%
Khairi Abd Khalid	14	14	-	100%
Fazleesham Mohd Yunus	14	11	3	79%
Ahmad Niezam Yusoff	6	6	-	100%

^{**} Allahyarham (sehingga 29/12/2022)

KEHADIRAN MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA KECIL KOPERASI

(Januari 2022 sehingga Disember 2022)

Setiap anggota lembaga akan menganggotai dua Jawatankuasa Kecil. Bagi tujuan membincangkan aktiviti, isu semasa dan perkara-perkara berkaitan dengan fungsi jawatankuasa masing-masing, Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kecil akan diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan. Mesyuarat diadakan secara bersemuka dan atas talian. Kehadiran ahli jawatankuasa kecil adalah seperti berikut:-

Nama	Jumlah Mesyuarat	Hadir	Tidak Hadir	Peratus Kehadiran
Mohd Fadzil Abdul Ghani	24	24	-	100%
Zulfakar Wahib	24	24	-	100%
Abdul Rahim Llin	24	24	-	100%
Fazleesham Mohd Yunus	24	24	-	100%
Baharuddin Ishak	24	24	-	100%
Ahmad Shukran Mohamed Salleh	24	22	2	92%
Mohamad Anis Abdullah	16	13	3	81%
Khairuzzaman Mohammad	24	21	3	87%
Salehudin Shah Shabudin	24	24	-	100%
Mohamad Wafi Mohamad Arof	24	20	4	84%
Kamarulzaman Pid	22	22	-	100%
Khairi Abd Khalid	24	23	1	96%
Kamarulzaman Salleh	12	11	1	92%

^{*} Letak jawatan (sehingga Ogos 2022)

Atas kehadiran dan tanggungjawab setiap Anggota Lembaga, Ahli Jawatankuasa Kecil dan Jawatankuasa Audit Dalaman yang dilantik, koperasi telah memberikan elaun sepertimana yang diperuntukkan di bawah Skim Perkhidmatan Anggota Lembaga & Jawatankuasa Audit Dalam Bab 7 : Elaun. Sila rujuk Nota-nota Kepada Penyata Kewangan Pada 31 Disember 2022.

PENUTUP

Prestasi tahun 2022 yang menurun disebabkan belanja caj kewangan Bank Kerjasama Rakyat yang tinggi tidak akan mematahkan semangat pengurusan KNSTP untuk terus memberi perkhidmatan kepada anggota dan masyarakat.

Bagi memastikan segala usaha dapat dipertingkatkan dan berjaya menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang, pihak Anggota Lembaga akan memastikan segala dasar, strategi dan usaha yang dirancangkan adalah bertepatan dengan kehendak Akta Koperasi dan juga seimbang dengan kehendak anggota.

Pengurusan KNSTP juga telah merancang Pelan Strategik bagi tahun 2023 – 2027 bagi memastikan KNSTP terus maju seiring dengan visi KNSTP iaitu menjadi 50 Koperasi Terbaik pada tahun 2027.

Saya yakin dengan sokongan dari semua anggota, Anggota Lembaga dan pihak pengurusan serta kakitangan, Koperasi NSTP akan dapat mencapai matlamat ini.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada anggota Koperasi, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan, Jawatankuasa Audit Dalaman, Juruaudit Luar, Wakil-wakil Koperasi, pihak pengurusan dan kakitangan koperasi yang telah memberi kerjasama, bimbingan dan sokongan kepada Koperasi sepanjang tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

"MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA"

Bagi pihak,

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD

MOHD FADZIL ABDUL GHANI

Pengerusi



LAPORAN JAWATANKUASA KECIL TAHUN 2022

LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KEWANGAN, PENTADBIRAN, PENGURUSAN HARTANAH & MODAL INSAN BAGI TAHUN 2022

AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi : Abdul Rahim Llin

Ahli : Khairuzzaman Mohamed

: Khairi Abdul Khalid

: Salehudin Shah Shabudin

: Azlina Ibrahim

: Nazirah Abd Manap

: Noorhazifah Mohd Aminoor

: Muhammad Faiz Bin Mohd Zaini

OBJEKTIF

- 1. Memastikan modal pusingan mencukupi bagi tujuan aktiviti perniagaan koperasi.
- 2. Memelihara kedudukan KNSTP supaya sentiasa meningkat dari masa ke semasa.
- 3. Memberi sokongan pendidikan kepada anggota dan kakitangan bagi melahirkan individu yang berpengetahuan serta berkebolehan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.
- 4. Memaksimumkan sumber KNSTP samada sumber manusia mahupun kemudahan yang ada.
- 5. Mengurangkan perbelanjaan dan meningkatkan pendapatan untuk memastikan dividen yang diberikan kepada anggota adalah peratusan yang terbaik.
- 6. Pengurusan hartanah secara efektif.



LAPORAN BAGI TAHUN 2022

1) KEWANGAN

Rujuk Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

2) PENTADBIRAN

BELIAN ASET

Dalam usaha melancarkan proses kerja dan meningkatkan perkhidmatan, KNSTP telah membeli aset tetap seperti berikut :-

BIL	TARIKH BELI	BUTIRAN ASET	JUMLAH (RM)		
Per	Peralatan, Perabot dan Kelengkapan				
1	18/02/2022	Pembelian telefon bimbit Samsung Galaxy A32 untuk kegunaan:	4,096.00		
		1. Unit Komunikasi			
		2. Unit Kutipan			
		3. Unit Pembiayaan			
		4. Ar-Rahnu Dataran Mentari			
2	23/02/2022	Pembelian Peti Sejuk di Coopmart	1,049.00		
3	08/04/2022	Menaiktaraf CCTV di Coopmart dan Pejabat	4,056.00		
4	12/04/2022	Pembelian Touch Monitor Coopmart	1,049.00		
5	16/08/2022	Pembelian LCD 25/30 Pricing Scale 30Kg - kegunaan di Saville Kajang	350.00		
6	22/08/2022	Pembelian Faber Termalpot	149.00		
7	05/10/2022	Keperluan Barangan Unit Sri Tijanni untuk perkhidmatan Travel Stay.	3,432.00		
8	31/10/2022	Pembelian telefon bimbit Samsung A23 untuk:	1,960.00		
		1. Anggota Sambung / Keluarga			
		2. Khidmat pelanggan			
		JUMLAH	16,141.00		

3) PENGURUSAN HARTANAH

a) Kondominium Servis Residensi Nadi Bangsar

Alamat : Lot 28-5 Nadi Bangsar Residensi, Jalan Tanduk, 59100 Kuala Lumpur

Penyewa : Dr. Sharifah Suraya

b) Kedai Pejabat 2 tingkat Saville Kajang, Kajang

Alamat : Lot G-10, Saville Kajang, Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor

Penghantaran pos laju - Koop NSTP

Alamat : Lot G-10 Saville Kajang, Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor Penyewa : Neo Starz Resources (berdekatan dengan Saville Express)

Alamat : Lot 01-10 Saville Kajang, Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor

Penyewa : ZS Cahaya Sdn Bhd

c) Kondominium Sri Tijanni, Sungai Buloh

Alamat : Lot 12-09, Kondominium Sri Tijanni, Bukit Rahman Putra,

47000 Sungai Buloh, Selangor

Penyewa : Tiada penyewa Perkhidmatan : Travel Stay

d) Kedai Pejabat 3 Tingkat Bandar Seri Putra

Alamat : No 26, Jalan Seri Putra ½, Bandar Seri Putra, 43000 Bangi, Selangor

Tingkat bawah : Perniagaan Ar-Rahnu X'Change KNSTP

Penyewa tingkat 1: Binaan Sri Jaya & OBC Training & Consultancy (berkongsi)

Penyewa tingkat 2 : Quality Images (Menyewa sehingga Jun 2022)

e) Kedai Pejabat Arena Mentari Sunway

Alamat : A-G-1 Blok A, Arena Mentari, Jalan PJS 8/15, Dataran Mentari, 46810

Petaling Jaya, Selangor

Perniagaan Ar-Rahnu X'Change KNSTP

4) MODAL INSAN

KAKITANGAN

Perubahan peralihan tugas kakitangan 2022.

Pentadbiran/Pengurusan Hartanah & Modal Insan

a) Muhammad Faiz Bin Mohd Zaini

Komersial & Bisnes

b) Amir Bin Mat Kupli @ Kupli

Kakitangan dilantik

Pentadbiran/Pengurusan Hartanah & Modal Insan

a) Muhammad Faiz Bin Mohd Zaini - 01 Jun 2022

Kakitangan Berhenti

a) Mohamad Fakhri Bin Abdul Koles -31 Ogos 2022

Kakitangan Pelatih (14 Februari – 17 Jun 2022)

a) Yusanani Binti Yusuf - Universiti Kuala Lumpur

Kakitangan dilantik dan berhenti (5 September – 22 Disember 2022)

<u>Coopmart</u>

a) Diana Ariff Binti Mohd Afif

SKIM PERKHIDMATAN KAKITANGAN

Skim Perkhidmatan telah disemak secara keseluruhan dan pindaan telah dibuat seiring dengan Pindaan Akta Kerja. Skim Perkhidmatan yang telah dikemaskini akan berkuatkuasa Januari 2023.

SEMINAR DAN PELAJARAN

Bagi tujuan memantapkan lagi ilmu dalam mengembangkan perniagaan, setiap tahun, KNSTP akan menghantar anggota lembaga, jawatankuasa audit dalam dan kakitangan menjalani kursus yang berkaitan bagi melahirkan individu yang berpengetahuan serta berkebolehan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Kursus dan seminar yang diikuti oleh Anggota Lembaga dan kakitangan KNSTP sepanjang tahun 2022.

Sila lihat Lampiran A.

PENUTUP

Saya percaya dengan usaha semua pihak bermula dari Pengurusan, Kakitangan, ALK, JKAD, Perwakilan dan semua anggota Insya Allah, KNSTP akan kembali menyinari seperti sebelum pandemik dengan beberapa pelan strategik akan digunakan. Insya Allah

Sekian.

"MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA"

Bagi pihak,

Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad

ABDUL RAHIM LLIN

Pengerusi

Jawatankuasa Kecil Kewangan, Pentadbiran, Pengurusan Hartanah & Modal Insan

LAPORAN JAWATANKUASA KECIL PEMBIAYAAN, KHIDMAT PELANGGAN & SKIM PERLINDUNGAN BAGI TAHUN 2022

AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi : Mohammad Anis Abdullah (sehingga Ogos 2022)

Fazleesham Mohd Yunus (mulai September 2022)

Ahli : Mohd Fadzil Abdul Ghani

: Mohammad Wafi Mohammad Aroff: Ahmad Shukran Moahmed Salleh

: Ridzwan Ahmad: Nor Amiza Azizi

OBJEKTIF

1. Memberi perkhidmatan yang terbaik untuk membantu anggota mengurangkan bebanan ekonomi yang semakin meningkat.

- 2. Menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada anggota dengan mewujudkan pelbagai jenis pembiayaan dan penjualan produk-produk dari luar mahupun anggota koperasi.
- 3. Memberi perkhidmatan, perlindungan & pembiayaan secara setempat ("one stop centre").

Oleh itu, JKK akan sentiasa:

- a) Memastikan skim pembiayaan mengikut aturan yang telah ditetapkan.
- b) Merancang jenis pembiayaan dan perniagaan baru untuk anggota.
- c) Memastikan perkhidmatan kepada anggota diutamakan.
- d) Memastikan anggota mendapat perlindungan insuran yang terbaik.



LAPORAN BAGI TAHUN 2022

1) PEMBIAYAAN

Laporan pembiayaan diberi dan dibayar balik adalah seperti dalam Penyata Kewangan 31 Disember 2022.

- a) Secara keseluruhan pendapatan dari pembiayaan menurun disebabkan pemohonan skim pembiayaan jangka panjang dibekukan namun ada peningkatan pendapatan dari skim pembiayaan jangka pendek terutama skim pembiayaan kecemasan dan tunai segera.
- b) Satu inisiatif meningkatkan pendapatan telah dilaksanakan iaitu tumpuan diberi kepada skim pembiayaan jangka-pendek dengan meningkatkan had pembiayaan tunai segera dari RM 500 ke RM600 yang bermula Oktober 2022. Sambutan memberangsangkan telah diterima dari anggota.
- c) Walaupun pembekuan pembiayaan jangka panjang, Skim Pembiayaan 70% Caruman masih dibuka bagi memberi peluang anggota mendapat pembiayaan yang lebih besar. Dengan tawaran ini, didapati ada peningkatan pendapatan untuk tahun 2022 berbanding 2021.
- d) KNSTP telah menawarkan Skim Pembiayaan Peribadi RM5000 tanpa penjamin.
- e) KNSTP juga telah membantu anggota yang mempunyai potongan tinggi dengan terus menawarkan Skim Pembiayaan Sara Hidup sebanyak RM1000.
- f) KNSTP juga menawarkan Skim Pembiayaan Barangan Pengguna RM3000 tanpa penjamin.

2) KHIDMAT PELANGGAN

- a) Selepas pelonggaran sekatan pergerakan PKP, KNSTP telah mula membuka kaunter khidmat pelanggan terutama di TV3, Sri Pentas bermula September 2022.
- b) Inisiatif sebelum ini diteruskan iaitu dengan menggalakkan anggota memohon pembiayaan secara talian dan tidak perlu datang ke kaunter khidmat pelanggan KNSTP. Pemberitahuan perkhidmatan ini sentiasa disampaikan menerusi whatsapp dan media-sosial KNSTP.
- c) Inisiatif mempromosikan perkhidmatan insurans dan cukai jalan diteruskan iaitu secara talian dimana meminta pihak MYEG menghantar pelekat cukai jalan ke rumah anggota dan anggota tidak perlu datang ke KNSTP untuk mengambilnya.
- d) Pada tahun 2022, KNSTP telah mengadakan Program Cabutan Bertuah kepada anggota yang mengambil insurans. Program ini akan dijadikan sebagai acara tahunan.

3) PROMOSI INSURANS NYAWA TAKAFUL IDAMAN DARI TAKAFUL IKHLAS SDN BHD DAN PERANCANGAN PUSAKA, HIBAH DAN WASIAT DARI WASSIYAH SHOPPE

Bagi mempromosikan kepada anggota kedua-dua skim diatas, KNSTP telah mengambil inisiatif dengan mengadakan taklimat secara atas talian kepada anggota menerusi aplikasi zoom. Selain itu, wakil syarikat wassiyah Shoppe juga turut membuka kaunter promosi di TV3, Sri Pentas. Bagi memudahkan anggota menyertai Skim Takaful Idaman, ianya boleh dilakukan pendaftaran secara online tanpa mengisi borang. Inisiatif lain adalah KNSTP telah mewajibkan semua anggota untuk menyertai Takaful Idaman dengan penyertaan minima RM10 sebulan.

PENUTUP

JKK akan sentiasa berbincang bagi tujuan menambahbaik mutu perkhidmatan terutama urusan dikaunter dan komunikasi dengan anggota terutama dalam keadaan yang mencabar dimasa akan datang. Salah satu inisiatif adalah dengan meningkatkan had pembiayaan kecemasan dari RM2,000 ke RM3,000. Ianya dijangka mendapat sambutan baik dari anggota. Promosi berterusan akan dilaksanakan agar anggota mendapat perkhidmatan yang terbaik. Dengan cara ini, anggota menjadi lebih peka dengan aktiviti KNSTP dan seterusnya KNSTP dapat menjana lebih keuntungan serta memberi lebih manfaat kepada anggota.

Sekian, terima kasih.

"MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA"

Bagi pihak,

Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad

FAZLEESHAM MOHD YUNUS

Pengerusi

Jawatankuasa Kecil Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Insurans

LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KUTIPAN, LITIGASI DAN PENGURUSAN RISIKO BAGI TAHUN 2022

AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi : Zulfakar Wahib
Ahli : Baharuddin Ishak

: Ahmad Shukran Mohamed Salleh

: Ahmad Nizam B Eusof


: Ridzwan Ahmad: Azlina Ibrahim

PENGENALAN

JKK Kutipan, Litigasi dan Pengurusan Risiko ditubuhkan bertujuan untuk memperolehi semula kutipan atas tunggakan baki pembiayaan dari siberhutang (peminjam yang berhenti syarikat dan meninggalkan baki pembiayaan).

OBJEKTIF

- 1. Melaksanakan pengurusan kutipan bayaran balik baki pembiayaan dan berusaha meningkatkan kutipan setiap bulan serta mengurangkan baki tunggakan pembiayaan.
- 2. Mengeluarkan notis secara konsisten dan berperingkat.



LAPORAN BAGI TAHUN 2022

1) KUTIPAN

PRESTASI

Perbandingan Kutipan bagi tahun 2021 & 2022:-

BULAN	2021	2022
JANUARI	9,513.37	8,729.02
FEBRUARI	18,531.62	30,799.60
MAC	46,711.69	9,078.08
APRIL	18,730.69	27,518.40
MEI	9,714.92	48,179.98
JUN	3,370.59	5,554.20
JULAI	2,752.90	6,312.40
OGOS	11,017.59	10,067.20
SEPTEMBER	10,489.02	19,181.94
OKTOBER	16,775.63	20,268.49
NOVEMBER	17,636.49	16,559.61
DISEMBER	8,587.20	10,857.00
JUMLAH	173,831.71	213,105.92

STRATEGI UNTUK MENGURANGKAN BAKI PEMBIAYAAN SIBERHUTANG

- a) Memberi penerangan kepada siberhutang tentang kelebihan penyelesaian awal dimana ianya lebih menjimatkan berbanding membayar ansuran setiap bulan.
- b) Tindakan potongan gaji penjamin kepada penjamin-penjamin yang masih bekerja di syarikat.
- c) Senarai hitam nama siberhutang menerusi CTOS bagi memastikan bayaran dibuat oleh penghutang setiap bulan.
- d) Meneruskan kerjasama dengan peguam iaitu Tetuan Nurhayati & Mahfuzah
- e) Terus melaksanakan tindakan undang-undang iaitu ke tribunal.
- f) Penjamin menyelesaikan bahagian tanggungan sebagai penjamin menerusi caruman di KNSTP.

2) <u>LITIGASI</u>

Tindakan perundangan yang telah dilaksanakan pada tahun 2021 adalah seperti berikut :-

JENIS TINDAKAN	BILANGAN ANGGOTA
Tribunal	4
Senarai Hitam (CTOS)	1
Penjamin	10

3) PENGURUSAN RISIKO

FUNGSI

Pengurusan Risiko merupakan satu fungsi bebas yang bertanggungjawab bagi mengenalpasti, menilai, memantau dan melaporkan risiko yang timbul daripada operasi koperasi termasuk dari aktiviti utama.

KAWALAN PENGURUSAN RISIKO

Pembiayaan jangka panjang masih dibekukan dan kawalan risiko dapat dikawal.

PENUTUP

Insyaallah JKK Kutipan, Litigasi dan Pengurusan Risiko akan sentiasa meneruskan usaha untuk mempertingkatkan jumlah kutipan dengan pelbagai cara digunakan dan juga perlu memastikan tiada lagi risiko dalam apa jua urusan kelak.

Sekian, wassalam

"MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA"

Bagi pihak,

Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad

ABDUL RAHIM LLIN Bagi Pihak Pengerusi

Jawatankuasa Kecil Kutipan, Litigasi dan Pengurusan Risiko

LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KOMERSIAL, BISNES & COOPMART BAGI TAHUN 2022

AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi : Baharuddin Ishak

Ahli : Kamarulzaman Bin Pid

Mohammad Anis AbdullahFazleesham Mohd Yunus

: Ridzwan Ahmad

: Mohamad Fakhri Mohd Koles: Abdul Syahid bin Abdul Mutalib

: Ismadi Ismail

OBJEKTIF

- 1. Kenal pasti projek dan perniagaan baru yang berpotensi (berkualiti & jangka panjang).
- 2. Melaksanakan projek perniagaan sedia ada dengan lebih efektif.



LAPORAN BAGI TAHUN 2022

Prestasi pendapatan JKK adalah berdasarkan Laporan Kewangan 31 Disember 2022.

1) PENGIKLANAN

Tajaan iklan dari pembekal dan rakan niaga di dalam Buku Laporan Tahunan. Selain itu, KNSTP telah menerima komisen sebagai agen dari Big Tree kerana mendapatkan pembelian pakej iklan billboard sempena 100 tahun Gerakan Koperasi dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

2) COOP MART

Operasi berterusan dan didapati adanya peningkatan jualan kerana kebanyakan pelanggan telah mula bekerja di pejabat berbanding semasa era covid dimana kebanyakannya bekerja dari rumah.

Program Skim Prihatin Barangan Asas dari SKM telah diadakan dimana harga barangan asas dijual dengan harga lebih murah dan ini membantu anggota yang terkesan oleh pandemik. KNSTP juga menyediakan pakej sumbangan anjuran organisasi dan individu.

Mesin vending air dari SpaceDX telah dipasang di Coop Mart. Mesin ini menggunakan teknologi "touch screen" dan pembelian tanpa menggunakan wang tunai. Ianya juga mempunyai skrin LCD untuk tayangan iklan produk koperasi. Selain dari mesin ini, mesin minuman air kopi panas dari Hazetech Ventures turut dipasang.

3) CAFETARIA MEDIA PRIMA GLENMARIE

Operasi dijalankan bermula Ogos 2022 hingga November 2022. Operasi dihentikan kerana operator menarik diri.

4) SAVILLE EXPRESS & BUSINESS CENTRE

Operasi perniagaan adalah memberi perkhidmatan penghantaran Pos Laju sebagai perniagaan utama di Lot 10, Saville Kajang di Jalan Reko, Kajang, Selangor. Selain Pos Laju, Saville Express & Business Centre adalah agen Drop Point untuk Ninja Van. Perniagaan lain yang dijalankan adalah sewaan Mail Box, alat tulis, tambah nilai prabayar dan pembayaran bil.

5) KERJASAMA PERNIAGAAN

KNSTP telah bekerjasama dengan organisasi dan syarikat berikut:-

- a) Kelab Mart Kakitangan Media Prima menyediakan barangan asas & produk.
- b) Fresh Meat Empire Sdn Bhd membekalkan daging sempena Aidilfitri kepada anggota.
- c) Arx Dataran Mentari dan Arx Bandar Sri Putra membekalkan cenderahati sempena Ramadhan & Aidilfitri.
- d) Kerjasama dengan Pasago untuk menjual barangan secara online.

STRATEGI KEMPEN

Strategi untuk mempromosikan aktiviti perniagaan adalah melalui hubungan baik antara semua koperasi di Malaysia dan juga kepada anggota menerusi sebaran poster melalui email, talian whatsapp app dan pemasaran di media sosial seperti Facebook dan Instagram selain dari kaunter penerangan dan seminar.

Bagi perniagaan Coop Mart, kerjasama dengan anggota diteruskan dimana anggota digalakkan meletakkan produk di kaunter jualan Coop Mart.

PENUTUP

Secara keseluruhan, pada tahun 2022, KNSTP sentiasa komited serta mencari peluang perniagaan baru bagi menjana pendapatan koperasi dan menambah nilai dalam perniagaan sedia ada walaupun menghadapi beberapa cabaran seperti anggota yang semakin berkurangan, kenaikan harga barang dan keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Bagi pihak,

Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad

BAHARUQDIN ISHAK

Pengerusi³

Jawatankuasa Kecil Komersial, Bisnes & Coopmart

LAPORAN JAWATANKUASA KECIL AR-RAHNU BAGI TAHUN 2022

AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi : Mohd Fadzil Abdul Ghani

Ahli : Abdul Rahim Llin

: Salehuddin Shah Shabudin


: Mohamad Wafi Mohamad Arof

: Rodziah Jama'ah

: Amir Mat Kupli @ Kupli

OBJEKTIF

- 1. Berkebajikan menawarkan peluang pembiayaan Mikro Kredit kepada masyarakat setempat.
- 2 Menjana pendapatan yang barakah serta memberi pembiayaan berlandaskan syariah.



LAPORAN BAGI TAHUN 2022

KNSTP mempunyai dua cawangan Ar-Rahnu X'Change (ARX) iaitu ARX Dataran Mentari & Bandar Seri Putra.

1) PRESTASI AR-RAHNU X'CHANGE - DATARAN MENTARI (ARX DM)

BUTIRAN	2021 (RM)	2022 (RM)
Nilai Marhun	15,290,180	10,306,079
Gadaian di keluarkan	11,593,214	8,012,644
Jangkaan upah simpan (6 bulan)	752,716	493,884
Bayaran upah simpan yang diterima	1,122,070	1,104,225
Bayaran ansuran/tebus/lanjut tempoh yang diterima	12,858,075	9,254,691

2) PRESTASI AR-RAHNU X'CHANGE – BANDAR SERI PUTRA (ARX BSP)

BUTIRAN	2021 (RM)	2022 (RM)
Nilai Marhun	8,632,285	9,036,978
Gadaian di keluarkan	6,635,450	7,098,380
Jangkaan upah simpan (6 bulan)	450,758	444,922
Bayaran upah simpan yang diterima	435,369	616,723
Bayaran ansuran/tebus/lanjut tempoh yang diterima	5,927,394	6,250,793

3) PERBANDINGAN (ARX Dataran Mentari) & (ARX Bandar Seri Putra)

Perbandingan antara 2021 dan 2022 :-

- Nilai marhun dan gadaian tahun 2022 menurun sebanyak 0.67 peratus untuk ARX Dataran Mentari manakala ARX Bandar Seri Putra meningkat sebanyak 4.5 peratus.
- la disebabkan peningkatan harga emas dunia dari pertengahan 2021 sehingga penghujung tahun 2022.
- Pelanggan telah menggunakan kelebihan kenaikan harga emas dengan membuat pinjaman bertindih ("Overlapping") dengan kadar margin 80% daripada pinjaman terdahulu. Selain itu, semua pelanggan diminta untuk menukar surat gadaian (SAG) kerana perubahan ke konsep Tawarruq.
- JKK telah menetapkan inisiatif baru bagi meningkatkan jumlah gadaian. Program galakan seperti membawa pelanggan baru dari luar terutama daripada Kedai Pajak Gadai Konvensional telah memberi impak positif kepada kenaikan nilai Gadaian.
- Peningkatan prestasi Ar-Rahnu Bandar Seri Putra mendokong peningkatan keseluruhan prestasi kedua-dua Cawangan ARX Koperasi NSTP.

4) SASARAN DAN PERLAKSANAAN AR-RAHNU BAGI TAHUN 2023

Bagi tujuan meningkatkan perniagaan dan mutu perkhidmatan, JKK akan :-

- Memastikan modal pusingan mencukupi untuk kedua-dua cawangan Ar-Rahnu X'Change KNSTP iaitu Dataran Mentari dan Bandar Seri Putra.
- Melaksanakan Program Tahunan seperti pemberian kurma sempena Ramadhan dan pemberian Hamper kepada pelanggan yang membuat Gadaian RM15K keatas pada setiap tahun.
- Pelaksanaan Kutipan Kurangan Secara berjadual.
- Penjualan Barangan "Prelove" bagi menjana pendapatan sampingan.

5) PENDAPATAN & PERBELANJAAN 2022

Pendapatan & Perbelanjaan aktiviti Ar-Rahnu adalah merujuk kepada Laporan Kewangan 31 Disember 2022.

Kesimpulannya adalah aktiviti perniagaan Ar-Rahnu mempunyai potensi yang besar sebagai penyumbang pendapatan terbesar dalam perniagaan KNSTP. Keuntungan keseluruhan menurun disebabkan oleh pembayaran caj keuntungan Bank Rakyat yang tinggi. Pihak KNSTP perlu fokus dalam meningkatkan pengetahuan keberadaan Ar-Rahnu kepada Anggota dan masyarakat setempat secara amnya.

PENUTUP

JKK akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan perniagaan supaya terus maju sehingga memperolehi penganugerahan sebagai francaisi terbaik.

Sekian, terima kasih.

"MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA"

Bagi pihak,

Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad

MOHD FÄDZIL ABDUL GHANI

Pengerusi

Jawatankuasa Kecil Ar-Rahnu

LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KEANGGOTAAN, KEBAJIKAN & KOMUNIKASI BAGI TAHUN 2022

AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi : Zulfakar Wahib

Ahli : Kamarulzaman Pid

: Khairuzzaman Mohammad

: Khairi Abdul Khalid


: Kamarulzaman Mohd Salleh

: Azlina Ibrahim

: Nazirah Abdul Manap

OBJEKTIF

- 1. Sebagai penghubung antara koperasi dengan anggota dan rakan niaga.
- 2. Mengkaji dan merancang tindakan untuk mengurangkan pemberhentian anggota.
- 3. Menghebahkan dan mempromosi maklumat tentang koperasi kepada semua anggota.
- 4. Memberi pendidikan kepada anggota melalui medium bacaan.
- 5. Memastikan kebajikan anggota terpelihara.



LAPORAN BAGI TAHUN 2022

1) **KEANGGOTAAN**

JKK sentiasa mempertingkatkan keanggotaan melalui strategi seperti berikut:-

- a) Kempen keahlian pencadang akan menerima baucar Coop Mart bernilai RM10.00.
- b) Mengadakan kempen carum dan menang bagi anggota dalam tempoh 6 bulan.
- c) Memberi penghargaan kepada anggota yang telah menjadi anggota 35 tahun ketas.

2) KEBAJIKAN

SKIM PERLINDUNGAN DIRI DAN KELUARGA

A) SKIM TAKAFUL IDAMAN – TAKAFUL IKHLAS BERHAD

Bil	Nama	No Anggota	Manfaat
1	Sa'adiah Binti Arshad	10132	Kematian
2	M.Hazizi Bin Hafidz	10510	Kematian
3	Mohd Firdaus Ibrahim	8768	Kematian
4	Nur Azian Binti A'arip	10260	Kemasukan wad
5	Mohd Rizal Bin Abd Rasid	9958	Kemasukan wad
6	Ghauri A/P V.S Muthusamy Naidu	4866	Kemasukan wad
7	Dauza Binti Umat	4886	Kemasukan wad
8	Mohd Nor Lizam Bin Mohd Ridzuan	9884	Kemasukan wad
9	Yusnita Bt Mad Jalani	5949	Kemasukan wad

Pembayaran telah dimasukkan ke akaun anggota, kecuali anggota meninggal dunia, pembayaran dimasukkan ke akaun waris.

TABUNG ANGGOTA KOPERASI

KNSTP telah menubuhkan tabung-tabung bertujuan untuk memberi kebajikan kepada anggota dan keluarga seperti berikut :-

A) TABUNG KEBAJIKAN AM

Bagi tahun 2022, KNSTP telah menggunakan Tabung Kebajikan Am untuk tujuan sumbangan, Anugerah Kecemerlangan Pendidikan, Zakat Perniagaan Koperasi dan cenderahati untuk semua anggota Koperasi serta lain-lain pembayaran yang bertujuan untuk kebajikan anggota. (Sila rujuk Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan Pada 31 Disember 2022.)

Pada tahun 2022, manfaat Tabung Kebajikan Am telah diperluaskan dengan memberi manfaat Tahun Satu, Bencana Alam & Penyakit Kronik kepada anggota. Butiran penggunaan adalah seperti berikut:-

Bil	Manfaat	Bilangan Anggota	Kadar Sumbangan Seorang (RM)	Jumlah Sumbangan (RM)
1	Tahun Satu	56	100	5,600.00
2	Bencana Alam	25	300	7,500.00
3	Penyakit Kronik	7	200	1,400.00
	JUMLAH	<u>88</u>	JUMLAH	<u>14,500.00</u>

B) TABUNG KHAIRAT KEMATIAN

Pada tahun 2022, Koperasi telah memberi wang khairat sebanyak RM5,000 kepada waris anggota berikut yang telah meninggal dunia:-

Bil	Nama Anggota	No Anggota	Syarikat	Sumbangan (RM)
1	M. Hazizi Bin Hafidz	10510	PTSB	1,000.00
2	Sa'adiah Binti Arshad	10132	Sunlife	1,000.00
3	Jamir Bin Kassim	9789	Sunlife	1,000.00
4	Mohd Firdaus Ibrahim	8768	Nstp	1,000.00
5	Ahmad Suhairy B. Shuib	9297	Nstp	1,000.00
	<u>5,000.00</u>			

KNSTP telah memberikan sumbangan wang khairat kepada 53 anggota atas kematian pasangan, anak, ibu-bapa dan ibu-bapa mertua masing-masing. Diharap sumbangan ini dapat mengurangkan bebanan anggota tersebut. Butiran sumbangan adalah seperti berikut:-

Bil	Kematian	Bilangan Anggota	Kadar Sumbangan Seorang (RM)	Jumlah Sumbangan (RM)
1	Pasangan	1	500	500.00
2	Anak	1	500	500.00
3	Ibu /Bapa	33	300	9,900.00
4	Ibu Mertua / Bapa Mertua	18	300	5,400.00
	JUMLAH	<u>53</u>	JUMLAH	21,300.00

C) TABUNG PERLINDUNGAN PEMBIAYAAN

Pada tahun 2022, KNSTP telah melindungi baki pembiayaan anggota koperasi yang meninggal dunia seperti berikut:-

Bil	Simati	No Anggota	Jumlah Pembiayaan Dilindungi (RM)
1	Mohd Firdaus Ibrahim	8768	10,147.00
2	Jamir Bin Kassim	9789	9,980.00
	JUMLAH		20,127.00

Dengan perlindungan ini, waris tidak dibebankan untuk membayar baki pembiayaan tersebut.

3) KOMUNIKASI

Pada tahun 2022, komunikasi antara KNSTP dengan anggota telah dipertingkatkan dengan menggunakan medium seperti berikut:-

- a) Sesi Penerangan pertemuan dengan anggota semasa kaunter khidmat pelanggan.
- b) Email Blast hebahan poster dan maklumat terkini.
- c) Notis notis dipamerkan di papan kenyataan dan email blast.
- d) Poster / Risalah dipamerkan di papan kenyataan, email blast dan melalui media sosial.
- e) Facebook / Instagram pelbagai aktiviti koperasi di kemaskini.
- f) Laman Web pelbagai maklumat, aktiviti, borang-borang koperasi boleh diperolehi.
- g) Tiktok video pendek yang dipamerkan bagi tujuan hebahan.

SASARAN DAN PERLAKSANAAN BAGI TAHUN 2023

- JKK akan sentiasa memperkemaskan sistem komunikasi dan maklumat terutama melalui laman web, facebook, instagram, media elektronik, risalah dan emel.
- JKK akan menaikkan aliran trafik laman web koperasi dengan menggalakkan anggota untuk melayari E-knstp.
- JKK sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan jumlah anggota melalui promosi yang bersesuaian.
- JKK akan menggiatkan promosi keanggotaan kepada rakan niaga dan keluarga.

PENUTUP

JKK berharap setiap komunikasi yang dilakukan akan mendapat penerimaan yang positif dari anggota serta komunikasi dua hala diwujudkan. Perwakilan dan Jkad turut menjadi perantara dalam usaha mempertingkatkan komunikasi dan seterusnya menambahkan keanggotaan koperasi tanpa melupakan kebajikan anggota. Insyaallah

Sekian, Wassalam

"MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA"

Bagi pihak,

Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad

ABDUL RAHIM LLIN Bagi pihak Pengerusi

Jawatankuasa Kecil Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi

LAMPIRAN A : KURSUS / SEMINAR YANG DIHADIRI OLEH ANGGOTA LEMBAGA, KAKITANGAN, JAWATANKUASA AUDIT DALAM DAN ANGGOTA KOPERASI BAGI TAHUN 2022

BIL	KURSUS / SEMINAR	TARIKH	PESERTA
1.	Bengkel Pemerkasaan Penyeliaan Koperasi - Kemasukan Data Dkoop Anjuran : Suruhanjaya Koperasi Malaysia Tempat : SKM Wilayah Persekutuan	10 Feb 2022	Rodziah Binti Jamaah
2.	Kursus Asas Keusahawanan Koperasi Ajuran : Institut Koperasi Malaysia Aplikasi : Zoom	15 Feb 2022	Mohd Hafiz Bin Mohamad Ghazali
3.	Pelancaran Coopmart dan Perasmian Kedai CCM Koperasi Pudina Anjuran : Suruhanjaya Koperasi Malaysia Tempat : Dewan Sri Pudina, Presint 17, Putrajaya	15 April 2022	Ridzwan Bin Ahmad
4.	Seminar Pemimpin Digital 'Membina Pemimpin Tangkas dan Radikal Mendepani cabaran digital' Anjuran : Institut Koperasi Malaysia Tempat : Zoom	20 & 21 April 2022	Nazirah Binti Abd. Manap
5.	Business Model Canvas (BMC) Anjuran : Institut Koperasi Malaysia Aplikasi : Zoom	24 Mei 2022	Amir Bin Mat Kupli Ismadi Bin Ismail
6.	Majlis Sambutan Hari Koperasi Negara peringkat Wilayah Persekutuan 2022 Anjuran : Suruhanjaya Koperasi Malaysia Tempat : Dewan Perdana FELDA, Kuala Lumpur	22 Jun 2022	Amir Bin Mat Kupli @ Kupli Salehudin Shah Bin Shabudin
7.	Motivasi Diri di Tempat Kerja Anjuran : Institut Koperasi Malaysia (Ikma) Tempat : Ikma, Petaling Jaya	11 Ogos 2022	Mohd Nazri Bin Johari Mohd Fakhri Bin Abdul Koles
8.	Kursus Wajib 1 ALK Anjuran : Institut Koperasi Malaysia (Ikma) Tempat : Ikma, Petaling Jaya	25 & 26 Oktober 2022	Ahmad Nizam Bin Eusof
9.	Kursus Wajib JAD Institut Koperasi Malaysia (Ikma) Tempat : Ikma, Petaling Jaya	14 & 15 November 2022	Hj Shukor Bin Hj Othman Mohd Rizan Akmar Bin Taharuddin
10.	Seminar Koperasi Malaysia (MCS 2022) dan Malam Anugerah Sempena Sambutan 100 Tahun Gerakan Koperasi Malaysia (1922 – 2022) Anjuran : Kesatuan Koperasi Koperasi Kredit Berhad dan Kesatuan Koperasi Midland Berhad Tempat : Hotel Langkasuka, Pulau Langkawi	25 - 27 November 2022	Mohd Fadzil Bin Abdul Ghani Zulfakar Wahib Abdul Rahim Llin Fazleesham Mohd Yunus Rodziah Jamaah
11.	Persidangan ARX 2022 dan Majlis Anugerah francais 2021 Anjuran: Rakyat Management Services Berhad Tempat: Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur	8 & 9 Disember 2022	Nur Ashieqin Abdul Malid Ainin Sofea Abdul Basid Amir Bin Mat Kupli @ Kupli Abdul Rahim Bin Llin



Jawatan Kuasa Audit Dalaman 2022 / 2023

No Ruj Kami : 10/JKAD 2022/2023-MAT55

10hb April 2023

Anggota Lembaga Koperasi

Koperasi The New Straits Times Press (M) Berhad 31 Jalan Riong 59100 Kuala Lumpur

Tuan / Puan,

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SESI 2022/2023

Laporan Audit ini disediakan untuk mematuhi kehendak Seksyen 49, Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil 52 untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 55.

1. Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi The New Straits Times Press (M) Berhad sesi 2022/2023 dianggotai oleh:-

Mohd Hidzir Md Ismail - Pengerusi

Rameshdev Singh Gordeyap Singh - Ahli Jawatankuasa

Mohd Hafiz Mohamad Ghazali - Ahli Jawatankuasa

Mohd Rizan Akmar Taharuddin - Ahli Jawatankuasa

Shukor Hj Othman - Ahli Jawatankuasa

 Laporan yang dibuat adalah berdasarkan Pengauditan untuk tempoh berakhir 31hb Disember 2022 merangkumi Penyata Aliran Tunai, Skim-Skim Pinjaman dan Nota Akaun. Pengauditan juga merangkumi aspek pentadbiran keseluruhan koperasi termasuk Koopmart dan Ar Rahnu.

3. Jadual pengauditan adalah seperti berikut :-

1hb September 2022

Mesyuarat Audit pertama sesi 2022/2023

• 14hb September 2022

Pengaliran Wang Tunai Masuk dan Keluar / Skim Tunai Segera / Skim Pembiayaan Kecemasan / Skim Pembiayaan Insurans Motor & Tayar / Skim Pembiayaan Cukai Jalan / Skim Pembiayaan Kembali Ke Sekolah / Skim Pembiayaan Perayaan / Skim Pembiayaan Sara Hidup

• 21hb September 2022

Pengaliran Wang Tunai Masuk dan Keluar / Skim Pembiayaan Barangan Pengguna / Skim Pembiayaan Peribadi / Skim Pembiayaan Peribadi (70%) / Skim Pembiayaan Kakitangan Koperasi / Skim Pembiayaan Ahli Lembaga Koperasi

